



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 278

AKTA LEMBAGA LETRIK SABAH 1983

Tarikh Persetujuan Diraja 9hb Mac 1983

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 10hb Mac 1983

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 278

AKTA LEMBAGA LETRIK SABAH 1983

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN LEMBAGA

3. Penubuhan Lembaga.
4. Keanggotaan Lembaga.
5. Perletakan jawatan dan pembatalan perlantikan.
6. Hilang kelayakan menjadi anggota.
7. Pengosongan jawatan.
8. Kebenaran tak hadir.
9. Kekosongan luar jangka dan keanggotaan sementara.
10. Saraan anggota-anggota Lembaga.
11. Anggota-anggota Lembaga hendaklah melupakan kepentingan dalam mana-mana pengusahaan tenaga.

BAHAGIAN III

PROSEDUR LEMBAGA

12. Mesyuarat.
13. Prosedur mesyuarat.
14. Anggota-anggota berkepentingan tidak boleh bertindak.
15. Kuasa melantik jawatankuasa.
16. Mesyuarat jawatankuasa.
17. Perwakilan kuasa.
18. Kuasa Pengerusi untuk mewakili.
19. Penyempurnaan dokumen-dokumen dsb.
20. Kekosongan tidak boleh menjadikan tak sah sesuatu tindakan, dsb.

Mac 1983

Mac 1983

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN

Seksyen

21. Perlantikan Pengurus Besar, Timbalan Pengurus Besar, pegawai dan pengkhidmat.
22. Sekatan atas perubahan kepada perjawatan.
23. Pengurus Besar sebagai ketua pegawai eksekutif.
24. Pegawai atau pengkhidmat tidak boleh berkepentingan dalam kontrak.

BAHAGIAN V

FUNGSI LEMBAGA, DLL.

Fungsi

25. Fungsi-fungsi am Lembaga.
26. Tugas Lembaga untuk membekalkan tenaga.
27. Bekalan bagi maksud-maksud persendirian.
28. Bekalan tenaga untuk lampu awam.
29. Kuasa maksimum.
30. Syarat-syaratnya bekalan boleh ditolak, dsb.
31. Syarat-syarat bekalan boleh diberhentikan.
32. Notis hendaklah diberi kepada Lembaga sebelum berpindah.
33. Bayaran tunggakan.
34. Sekuriti bagi bayaran.
35. Mendapatkan balik sewa elektrik.

Kuasa untuk masuk

36. Kuasa memasuki tanah atau premis bagi menentukan kuantiti elektrik yang digunakan, atau untuk mengalih pemasangan.

Talian elektrik

37. Talian elektrik, dll., tidak boleh tertakluk kepada distres, dll., dalam hal-hal tertentu.
38. Talian elektrik dll., yang diberi sewa, walaupun diletakkan pada premis, terus menjadi harta Lembaga.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN KEWANGAN

39. Kumpulan Wang Lembaga.
40. Kuasa mengeluarkan stok, dsb.
41. Tugas-tugas dan kuasa-kuasa am Lembaga dalam perkara-perkara kewangan.
42. Cara mencaj.
43. Kadar dan skala caj bagi tenaga.

Seksyen

44. Lain-lain caj melalui perjanjian.
45. Harga bekalan untuk lampu awam.
46. Pelaburan kumpulan wang.
47. Kuasa-kuasa meminjam.
48. Pinjaman boleh didapati dengan jalan menggadaijanji.
49. Kuasa memberi pinjaman.
50. Kuasa menggerenti pinjaman.
51. Anggaran tahunan.
52. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai.
53. Pengecualian dari duti setem.
54. Akaun baik.
55. Bila tender dipanggil.

BAHAGIAN VII

PELAN DLL.

Pelan

56. Peta kawasan bekalan hendaklah dibuat.
57. Pelan untuk kelulusan Menteri.

Izin-lalu

58. Izin-lalu di atas tanah.

Kerja

59. Kuasa untuk memecah lebu, dll., di bawah pengawasan, dan untuk membuka parit.
60. Syarat tentang pengawasan pemecahan lebu.
61. Lebu, dll., yang dipecah hendaklah dibaiki semula tanpa kelengahan.
62. Notis hendaklah disampaikan kepada orang yang mempunyai kawalan, dll., sebelum memecahkan lebu atau membuka parit.
63. Perletakan talian bekalan elektrik, dll., atau paip gas atau paip air atau talian bekalan elektrik lain.
64. Kuasa menghendaki kedudukan tiang, tunggak, dll., diubah.
65. Pengubahan paip atau wayar.
66. Kuasa membuang pokok, dll., yang membahayakan talian atas.

BAHAGIAN VIII

PEMINDAHAN PENGUSAHAAN, DSB.,
PERTUBUHAN PERBADANAN
KEPADA LEMBAGA

Harta, kontrak, dsb.

Seksyen

67. Pampasan bagi perusahaan yang dipinda.
68. Kontrak, dsb., yang ada.
69. Prosiding belum selesai.

Pegawai atau pengkhidmat

70. Pertukaran pegawai-pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmat dalam perjawatan pertubuhan perbadanan.

BAHAGIAN IX

AM

71. Kuasa Menteri memberi arahan.
72. Kuasa menggantung fungsi-fungsi eksekutif.
73. Kerahsiaan dan penalti.
74. Merosakkan kerja-kerja dengan niat untuk memotong bekalan atau berniat jahat dan memadamkan lampu awam.
75. Mencuri elektrik.
76. Kebencanaan sengaja kepada kerja-kerja, mengganggu meter atau menggunakan tenaga secara fraudan.
77. Penalti kerana menggunakan elektrik Lembaga secara fraud atau tak wajar.
78. Penjelasan kerana merosakkan dengan sengaja kerja Lembaga.
79. Penalti kerana menyambung atau memutus atau mengubah pelarasan meter tanpa notis.
80. Penalti kerana memecahkan meteri tanpa kebenaran.
81. Penalti jika sebaliknya tidak dinyatakan.
82. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
83. Mendapatkan kembali penalti, dsb.
84. Perlindungan terhadap prosiding undang-undang.
85. Pengkhidmat awam.
86. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 terpakai.
87. Orang-orang yang diberikuasa untuk mendakwa.
88. Sanksi pendakwaan.
89. Kuasa membuat peraturan-peraturan.
90. Hak kekecualian Kerajaan Sabah di pantai pasang-surut.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 278

AKTA LEMBAGA LETRIK SABAH 1983

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan suatu lembaga yang dikenali sebagai "Lembaga Letrik Sabah" dan mengenai penjalanan dan pelaksanaan oleh lembaga akan fungsi-fungsi berhubung dengan bekalan elektrik dan lain-lain perkara tertentu dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

[116. Januari, 1984] Pu(B) 647/83

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Letrik Sabah 1983, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

Pu(B) 647/83

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"anggota" ertinya anggota Lembaga yang meliputi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi;

"bahaya" ertinya bahaya kepada kesihatan atau kepada nyawa manusia atau anggota badan dari renjatan, lecuran, atau lain-lain bencana dan meliputi bahaya kepada harta, pemasangan atau kelengkapan akibat dari penjanaan, penghantaran, pengagihan atau penggunaan tenaga;

-pengkhid-

memotong
npu awam.

ganggu
n.

aga secara

gaja kerja

mengubah

benaran.

bertubuhan

ng.

8 terpakai.

a.

sang-surut.

“bekalan am” ertinya bekalan am tenaga yang dipersetujui secara khas dengan mana-mana pihak berkuasa awam atau tempatan bagi bekalan am tenaga untuk lampu awam, tetapi tidaklah meliputi pembekalan tenaga kepada seseorang atau lebih pengguna tertentu di bawah perjanjian khas;

“fungsi” meliputi kuasa dan tugas;

“gas” ertinya bahan api bergas mudah terbakar yang meliputi gas asli dan bahan api bergas yang dihasilkan dari apa-apa bahan mentah;

“gas asli” ertinya hasil bergas yang terdiri terutamanya dari metana yang dihasilkan dari kolam bawah tanah semulajadi dan yang digunakan kerana nilainya sebagai bahan api atau stok pembekal;

“gas petroleum cair” ertinya campuran hidrokarbon, terutamanya propana dan butana, yang dihasilkan, distor, diagihkan atau dijual dalam bentuk cecair dalam bekas diisitekan untuk apa-apa jua kegunaan;

“kawasan bekalan” ertinya kawasan dalam mana Lembaga hendaklah, atau pemegang lesen dibenarkan, menjana dan/atau untuk membekalkan tenaga;

“kelengkapan” meliputi apa-apa butiran seperti mesin, transformer, radas, instrument penyukat, alat pelindung, bahan pendawaian, aksesori dan perkakas bagi maksud-maksud penjanaan, penukaran, penghantaran, pengagihan atau penggunaan tenaga elektrik;

“kerja” meliputi talian bekalan elektrik, terusan, kerja-sungai, empangan, pangkal kerja, talian paip, bangunan, jentera, perkara atau benda dari apa jua perihalan yang dikehendaki untuk membekal tenaga dan untuk melaksanakan tujuan-tujuan Lembaga;

“kuasa” ertinya kuasa elektrik atau kadar kiraan seunit masa yang tenaga dibekalkan;

“lampu awam” ertinya lampu elektrik yang digunakan untuk menerangi mana-mana lebuah atau lain-lain tempat awam;

“lebuah” meliputi mana-mana jalan tembus di atas mana orang awam mempunyai hak lalu-lalang;

“Lembaga” ertinya Lembaga Letrik Sabah yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang membenarkan pemegang lesen mengendali atau mengerjakan sesuatu pemasangan elektrik dan meliputi apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa sebelum pengisytiharan Akta ini;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perkara-perkara berhubungan dengan tenaga;

“meter” ertinya dan meliputi apa-apa dan setiap jenis mesin, alat atau instrumen yang digunakan bagi penyukatan bekalan tenaga;

“Negeri” ertinya Negeri Sabah;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dibenarkan menurut syarat-syarat lesen untuk mengerjakan atau mengendalikan sesuatu pemasangan elektrik dan meliputi ejen berkuasa;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga;

“penggerak utama” ertinya mesin yang membekalkan tenaga sawat kepada janakuasa;

“pengguna” ertinya seseorang yang dibekalkan tenaga atau yang permissnya ada pada masa itu disambungkan dengan mana-mana pemasangan bagi maksud bekalan tenaga;

“Pengurus Besar” ertinya Pengurus Besar yang dilantik di bawah seksyen 21 dan meliputi mana-mana orang yang pada masa itu dilantik sedemikian untuk melaksanakan tugas-tugas Pengurus Besar;

“pemasangan” ertinya keseluruhan mana-mana loji atau kelengkapan yang berada di bawah satu pemilikan atau penjagaan pihak pengurusan yang sama, yang bertujuan untuk membekal atau menggunakan tenaga, atau kedua-duanya, mengikut mana yang berkenaan, dan meliputi penggerak utama, jika ada, berserta semua loji, bangunan dan tanah yang perlu yang berkaitan dengannya, talian paip, talian bekalan dan kelengkapan pengguna, jika ada;

“pihak berkuasa awam” ertinya Kerajaan atau mana-mana jabatan atau cawangan Kerajaan atau Lembaga;

“premis” ertinya dan meliputi mana-mana bangunan, bilik, tenemen, pondok atau bangsal atau binaan-binaan lain dan semua tanah yang diduduki atau digunakan atau dibenar untuk diduduki atau digunakan berkaitan dengannya, yang berada di bawah satu pemilikan, penerimaan pajak, pihak pengurusan atau pendudukan;

“sesalur” ertinya mana-mana talian elektrik yang boleh diletakkan di bawah tanah atau didirikan di atas oleh Lembaga atau pemegang lesen dan yang meneruskannya tenaga boleh dibekalkan oleh Lembaga atau pemegang lesen bagi maksud bekalan am;

“sesalur agihan” ertinya bahagian mana-mana sesalur yang digunakan bagi maksud memberi asalan kepada talian perkhidmatan bagi maksud-maksud bekalan am;

“stesen janakuasa” ertinya mana-mana stesen untuk menjanakan tenaga elektrik, meliputi apa-apa bangunan dan loji yang digunakan bagi maksud itu serta tapak binanya, dan meliputi tapak bina yang dicadang hendak digunakan bagi mendirikan stesen janakuasa, tetapi tidak meliputi mana-mana stesen untuk mengubah bentuk, menukar atau mengagihkan tenaga elektrik;

“substesen” ertinya kerja atau stesen di mana tenaga diterima bagi maksud ubah bentuk atau penukaran dan meliputi semua bangunan dan loji yang digunakan bagi maksud tersebut dan juga tapak binanya;

“talian bekalan” ertinya konduktor atau alat-alat lain untuk menyampaikan, menghantar atau mengagihkan tenaga, berserta apa-apa kelongsong, salutan, penutup, tiub, paip, penebat atau tiang yang menyarungi, mengelilingi atau menupanginya atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa bangunan atau kelengkapan yang berkaitan dengannya bagi maksud mengubah bentuk, menyampai, menghantar atau mengagihkan tenaga;

“talian bekalan elektrik” ertinya apa-apa wayar, konduktor atau alat-alat lain yang diguna untuk menyampaikan elektrik bagi maksud kuasa, pencahayaan atau pemanasan dan meliputi apa-apa instrumen, penebat, salutan, penabungan atau tiang yang menupangi apa-apa talian bekalan elektrik atau apa-apa jua yang berkaitan dengannya;

“talian paip” ertinya konduit mekanik yang digunakan bagi mengangkut bendalir dan adalah meliputi kemudahan-kemudahan berkait seperti kelengkapan bermeter dan kawalan tekanan;

“tenaga” ertinya gas asli atau gas tiruan, gas petroleum cair, tenaga elektrik, atau lain-lain bentuk tenaga yang meliputi tenaga suria, geoterma, biojisim dan angin, ombak dan kuasa air yang dihasilkan, dijanakusakan, dihantarkan, dibekalkan atau digunakan bagi apa-apa maksud kecuali bagi maksud penghantaran sesuatu bentuk perhubungan atau isyarat; elektrik, melainkan jika ditakrifkan selainnya, adalah suatu benda sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 3 Akta Kilang dan Jentera 1967;

Akta 139.

“Timbalan Pengerusi” ertinya Timbalan Pengerusi Lembaga;

“ubah bentuk” ertinya mengubah bentuk voltan dari voltan yang rendah kepada yang tinggi atau sebaliknya;

“voltan” ertinya voltan lebih tinggi, voltan tinggi, voltan rendah dan voltan lebih rendah sebagaimana ditetapkan.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN LEMBAGA

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan bernama “Lembaga Letrik Sabah” atau dalam Bahasa Inggerisnya “Sabah Electricity Board” yang adalah satu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan mempunyai kuasa untuk membeli atau dengan cara lain memperolehi, memegang, dan menukar atau memberimilik atau dengan cara lain menguruskan dengan apa-apa jua cara yang sah di sisi undang-undang, apa-apa harta alih dan harta tak alih, dan untuk membuat kontrak dan amnya untuk melakukan apa-apa jua tindakan dan perkara yang suatu pertubuhan perbadanan boleh melakukan di sisi undang-undang dan yang perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan matlamat-matlamatnya dan penjalanan kuasa-kuasanya sebagaimana dinyatakan dalam Akta ini.

Penubuhan
Lembaga.

← 2A995

(A)---

(2) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meteri yang hendaklah mengandungi apa-apa rekabentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Lembaga, sebagaimana difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Sehingga suatu meteri am diperuntukkan di bawah subseksyen (2), suatu cap yang mengandungi teraan "Lembaga Letrik Sabah" boleh digunakan sebagai meteri am Lembaga.

Keang-
gotaan
Lembaga.

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) tujuh orang anggota lain, yang sekurang-kurangnya tiga orang daripada mereka memegang jawatan dalam perkhidmatan awam; dan
- (d) orang yang pada masa itu memegang jawatan Pengurus Besar;

Dengan syarat bahawa Pengurus Besar tidaklah berhak mengundi di mesyuarat Lembaga.

(2) Anggota-anggota yang dinyatakan dalam paragraf (a), (b) dan (c) subseksyen (1) hendaklah dilantik oleh Menteri.

(3) Seorang anggota yang adalah pegawai dalam perkhidmatan awam boleh, melalui suratcara secara bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi, melantik seorang pegawai lain dalam perkhidmatan awam sebagai anggota gilir yang boleh hadir bagi pihaknya di mana-mana mesyuarat Lembaga yang anggota itu tidak dapat hadir kerana sesuatu sebab dan anggota silihganti itu hendaklah, apabila menghadiri mesyuarat itu, disifatkan sebagai anggota Lembaga bagi segala maksud.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 7, seorang anggota, selain dari Pengurus Besar, hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama tiga tahun dari tarikh perlantikannya, dan adalah layak dilantik semula.

5. (1) Seorang anggota, selain dari Pengurus Besar, boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi notis secara bertulis kepada Pengerusi.

Perletakkan jawatan dan pembatalan perlantikan.

(2) Perlantikan seseorang anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri jika difikirkannya patut berbuat demikian.

6. Orang-orang yang berikut adalah hilang kelayakan dari dilantik menjadi anggota atau, jika telah dilantik, dari terus menjadi anggota :

Hilang kelayakan menjadi anggota.

- (a) seseorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tak daya melaksanakan tugas-tugasnya atau menguruskan hal-ehwalnya;
- (b) seseorang yang dilarang dari menjadi pengarah syarikat di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berbungan dengan syarikat;
- (c) seseorang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau buruk akhlak; dan
- (d) seorang bankrap.

7. Jawatan seseorang anggota, selain dari Pengurus Besar, adalah menjadi kosong—

Pengosongan jawatan.

- (a) apabila dia mati;
- (b) jika dia tidak hadir di mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran khas daripada Pengerusi atau kebenaran tidak hadir yang diberi di bawah Akta ini dan Lembaga meluluskan suatu resolusi mengisytiharkan jawatannya kosong;
- (c) jika dia meletakkan jawatannya;
- (d) jika dia hilang kelayakan dari menjadi anggota di bawah seksyen 6;
- (e) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

8. Menteri boleh memberi kepada mana-mana anggota kebenaran tak hadir sebagaimana disifatkan patut oleh Menteri.

Kebeneran tak hadir.

Kekosongan
luar
jangka dan
keanggotaan
sementara.

9. (1) Jika jawatan seseorang anggota, selain dari Pengurus Besar, menjadi kosong, Menteri boleh melantik seorang lain yang mempunyai kelayakan yang sesuai untuk mengisi kekosongan itu hanya selama tempoh yang anggota yang dia telah dilantik menggantikan itu sepatutnya memegang jawatan.

(2) Jika seseorang anggota, selain dari Pengurus Besar, tidak dapat melaksanakan tugas-tugasnya sebagai seorang anggota oleh sebab sakit, tidak ada dalam Negeri atau sebab-sebab lain yang seumpamanya, Menteri boleh melantik mana-mana orang yang mempunyai kelayakan yang sesuai untuk bertindak sebagai timbalan bagi anggota itu sepanjang tempoh yang dia tidak dapat melaksanakan tugas-tugasnya.

Saraan
anggota-
anggota
Lembaga.

10. Maka hendaklah dibayar kepada anggota-anggota, atau kepada mana-mana daripada mereka sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, apa-apa gaji, fee dan elaun daripada kumpulan wang Lembaga sebagaimana diluluskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Anggota-
anggota
Lembaga
hendaklah
melupuskan
kepentingan
dalam
mana-mana
pengusahaan
tenaga.

11. (1) Tiap-tiap orang yang dilantik menjadi anggota Lembaga hendaklah, dalam tempoh tiga bulan selepas perlantikannya, menjual atau melupuskan semua syer dalam mana-mana pengusahaan tenaga yang, pada masa perlantikannya, dimilikinya atau yang dia berkepentingan bagi faedahnya sendiri, dan adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana anggota Lembaga, selagi dia masih memegang jawatan sebagai demikian, membeli atau menjadi berkepentingan bagi faedahnya sendiri dalam apa-apa syer dalam mana-mana pengusahaan tenaga, dan, jika mana-mana anggota Lembaga menjadi berhak, bagi faedahnya sendiri, di bawah sesuatu wasiat atau perwarisan kepada apa-apa syer dalam mana-mana pengusahaan tenaga, dia hendaklah menjual atau melupuskannya dalam tempoh tiga bulan selepas dia menjadi berhak ke atasnya :

Dengan syarat bahawa Menteri boleh melepaskan kehendak-kehendak subseksyen ini dalam sesuatu hal tertentu.

(2) Mana-mana anggota Lembaga yang menyimpan, membeli, mengambil atau menjadi berkepentingan atau terus menjadi berkepentingan dalam apa-apa syer dalam mana-mana pengusahaan tenaga berlanggaran

dengan peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah hilang kelayakan menjadi anggota, dan disifatkan telah mengosongkan jawatannya sebagai anggota itu dan Pengerusi hendaklah menyebabkan suatu cacatan yang bermaksud sedemikian dibuat dalam minit-minit Lembaga dengan seberapa segera yang praktik setelah fakta mengenai apa-apa pelanggaran itu sampai pada pengetahuannya.

(3) Hakikat bahawa seseorang yang hilang kelayakan di bawah seksyen ini telahpun menganggotai, atau mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding, Lembaga sebelum apa-apa catatan yang tersebut dahulu dibuat dalam minit-minit itu tidak boleh menjadikan tak sah apa-apa ketetapan atau prosiding Lembaga.

(4) Dalam seksyen ini—

“syer dalam mana-mana pengusahaan tenaga” ertinya apa-apa stok, syer, debentur, stok debentur, bon atau sekuriti-sekuriti lain mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan dalam Negeri tersebut dalam hal menjanakan, mengagihkan atau membekalkan tenaga, atau mengilang dalam Negeri itu kelengkapan elektrik, dan meliputi apa-apa syer atau kepentingan dalam mana-mana pengusahaan tak diperbadankan yang menjalankan perniagaan yang sama.

BAHAGIAN III

PROSEDUR LEMBAGA

12. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu atau mustahak bagi mentransaksikan urusannya dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di mana-mana tempat dan pada masa yang ditentukan oleh Pengerusi: Mesyuarat.

Dengan syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada tiga bulan berlalu di antara satu-satu mesyuarat itu.

(2) Jika tidak kurang daripada tiga orang anggota, dengan notis secara bertulis yang ditandatangani oleh mereka dan dialamatkan kepada Pengerusi, meminta supaya suatu mesyuarat Lembaga diadakan bagi sesuatu maksud yang dinyatakan dalam notis itu Pengerusi hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas dia menerima notis itu, memanggil suatu mesyuarat dengan sewajarnya.

Prosedur
mesyuarat.

13. (1) Kuorum di semua mesyuarat Lembaga adalah tiga orang anggota selain dari Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

(2) Jika Pengerusi tidak hadir di sesuatu mesyuarat Lembaga, Timbalan Pengerusi hendaklah mengetuai mesyuarat itu dan, jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi kedua-duanya tidak hadir, maka anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih seorang dari kalangan mereka untuk mengetuai mesyuarat itu.

(3) Persoalan yang timbul di sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan dengan cara undi terbanyak anggota-anggota yang hadir dan mengundi atas persoalan itu dan jika terdapat undi sama banyak, maka Pengerusi atau orang lain yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat perintah tetap bagi mengatur prosidingnya sendiri.

Anggota-
anggota
berke-
pentingan
tidak
boleh
bertindak.

14. (1) Mana-mana anggota yang mempunyai atau memperoleh, secara langsung atau secara tak langsung dengan sendirinya, melalui pekongsi atau ejennya—

(a) apa-apa syer atau kepentingan dalam mana-mana kontrak yang dibuat dengan Lembaga atau dalam apa-apa kerja yang dilakukan untuk Lembaga atau di dalam mana-mana syarikat atau dengan mana-mana orang atau berkenaan dengan mana-mana pengusahaan yang Lembaga bercadang hendak membuat kontrak dengannya; atau

(b) apa-apa kepentingan benefisial mengenai tanah yang dicadang hendak diperolehi, dibeli, dipajak atau selainnya diuruskan oleh Lembaga atau yang diketahuinya akan tersentuh atau mungkin akan tersentuh oleh apa-apa projek, skim atau enterpris yang diluluskan atau dicadang hendak diluluskan oleh Lembaga,

hendaklah, sebelum mengambil bahagian dalam sesuatu prosiding mesyuarat Lembaga, yang berhubungan dengan atau menyentuh secara langsung atau secara

adalah imbalan mesyuarat mengetahui imbalan anggota-anggota-nya dari itu. mesyuarat sendiri terenggundi banyak, mengetahui atau n Baha-a untuk dingnya ai atau angsung nya— mana-embaga n untuk syarikat rkenaan g Lem-kontrak ai tanah beli, di-embaga ih atau projek, atau di-ga, sesuatu ibungan i secara

tidak langsung mana-mana kontrak atau tanah itu, memberitahu orang yang mengetuai mesyuarat itu mengenai jenis dan banyaknya syer atau kepentingan itu, dan maklumat itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat itu, dan anggota itu tidak boleh mengundi mengenai apa-apa ketetapan atau persoalan yang berhubungan dengannya, atau perkara-perkara yang bersampingan dengannya dan jika orang yang mengetuai mesyuarat itu memintanya, anggota itu hendaklah menarik diri dari mesyuarat itu semasa mesyuarat membuat pertimbangan teliti atau keputusan:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun anggota boleh disifatkan sebagai mempunyai atau memperolehi apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak dengan Lembaga semata-mata oleh sebab dia mempunyai atau memperolehi suatu syer dalam apa-apa pinjaman yang dikeluarkan oleh Lembaga atau dalam apa-apa sekuriti bagi pinjaman itu:

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud menentukan cukup kuorum seseorang anggota yang hadir di mesyuarat itu hendaklah dianggap hadir walaupun dia tidak mengundi atau telah menarik diri di bawah peruntukan-peruntukan seksyen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda sebanyak seribu ringgit dan penjara selama enam bulan.

15. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga boleh, bagi apa-apa maksud am atau khas, melantik jawatankuasa-jawatankuasa yang difikirkannya perlu. Kuasa melantik jawatankuasa.

(2) Sesuatu jawatankuasa boleh melakukan semua perkara yang perlu bagi penjalanan yang berkesan akan fungsi-fungsinya tetapi adalah tertakluk kepada arahan-arahan am Lembaga.

(3) Sesuatu jawatankuasa hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada lima orang yang lain.

(4) Sesuatu jawatankuasa boleh terdiri daripada orang-orang yang bukan anggota Lembaga.

(5) Anggota-anggota sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

Mesyuarat
jawatan-
kuasa.

16. (1) Jika Pengerusi sesuatu jawatankuasa tidak hadir di sesuatu mesyuarat jawatankuasa itu, mana-mana anggota lain jawatankuasa itu sebagaimana yang dipilih oleh anggota-anggota yang hadir hendaklah mengetuai mesyuarat itu.

(2) Kuorum bagi mesyuarat jawatankuasa adalah tiga.

(3) Sesuatu persoalan yang hendak ditentukan di sesuatu mesyuarat jawatankuasa hendaklah diputuskan dengan cara undi terbanyak daripada anggota-anggota yang hadir dan mengundi atas persoalan itu, dan jika terdapat undi sama banyak, maka orang yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

(4) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang ke sesuatu mesyuaratnya mana-mana orang yang pada pendapatnya boleh membantu dalam pertimbangan telitinya tetapi orang itu tidak mempunyai hak mengundi di mesyuarat itu.

(5) Tertakluk kepada seksyen ini dan arahan-arahan dari Lembaga, sesuatu jawatankuasa hendaklah mengatur prosedurnya sendiri.

Perwakilan
kuasa.

17. (1) Lembaga boleh mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa, anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga, mana-mana daripada fungsinya sebagaimana yang disifatkannya perlu atau dikehendaki.

(2) Apa-apa fungsi yang diwakilkan di bawah seksyen ini—

(a) boleh diwakilkan sedemikian tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dikenakan secara am atau khas oleh Lembaga;

(b) hendaklah dijalankan oleh jawatankuasa, anggota, pegawai atau pengkhidmat yang berkenaan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Tiada sesuatu perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menghalang Lembaga daripada menjalankan atau melaksanakan sendiri pada bila-bila masa mana-mana daripada fungsi yang diwakilkan sedemikian.

18. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Pengerusi boleh mewakilkan secara bertulis kepada mana-mana anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga kuasa dan kewibawaan untuk menjalankan bagi pihaknya apa-apa tugas, kuasa atau fungsi sebagaimana ditentukannya.

Kuasa Pengerusi untuk mewakil.

(2) Pengerusi boleh semasa mewakilkan mana-mana kuasa atau kewibawaan di bawah subseksyen (1) kepada mana-mana anggota, pegawai atau pengkhidmat, atau pada bila-bila masa selepas itu memberi arahan-arahan tentang cara bagaimana kuasa atau kewibawaan yang diwakilkan itu hendak dijalankan dan boleh pada bila-bila masa membatalkan, mengubahsuai atau menambah perwakilan itu.

19. (1) Meteri am Lembaga hendaklah disimpan oleh Pengerusi dan tidak boleh digunakan kecuali di hadapan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan seorang anggota dan penggunaan itu hendaklah disahkan dengan tandatangan orang-orang itu dan pengesahan itu adalah bukti yang cukup bahawa meteri itu telah digunakan dengan sewajar dan sepatutnya dan bahawa ia adalah meteri Lembaga yang sah di sisi undang-undang.

Penyempurnaan dokumen-dokumen, dsb.

Sube. Am 665

(2) Semua dokumen, selain dari dokumen yang dikehendaki oleh undang-undang supaya dimeteri, yang mana Lembaga adalah suatu pihak bolehlah ditandatangani bagi pihak Lembaga oleh Pengerusi atau mana-mana anggota atau oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat yang diberi kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Lembaga.

← AA665

20. (1) Tiada sesuatu tindakan atau prosiding Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya boleh dipersoalkan oleh sebab sesuatu kekosongan di kalangan anggota atau oleh sebab perlantikan seseorang anggota didapati tidak sempurna.

Kekosongan tidak boleh menjadikan tak sah sesuatu tindakan dsb.

(2) Sehingga dibuktikan sebaliknya, tiap-tiap mesyuarat Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan wajar dan semua anggota yang hadir di mesyuarat itu hendaklah disifatkan sebagai ber-kelayakan dengan wajar.

(3) Suatu pernyataan dalam apa-apa dokumen yang bermaksud bahawa sesuatu fungsi telah diwakilkan di bawah Bahagian ini hendaklah, melainkan jika dibukti-kan sebaliknya, menjadi bukti bahawa perwakilan itu telah dibuat dengan sahnyanya di sisi undang-undang.

BAHAGIAN IV PENTADBIRAN

Perlantikan
Pengurus
Besar,
Timbalan
Pengurus
Besar,
pegawai
dan
pengkhid-
mat.

21. (1) Tertakluk kepada seksyen 22, Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melantik dan mengambil kerja—

(a) dengan kelulusan Menteri, seorang Pengurus Besar dan beberapa orang Timbalan Pengurus Besar; dan

(b) pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain sebagaimana yang perlu,

bagi menjalankan fungsi dan tugasnya di bawah Akta ini.

(2) Jika Pengurus Besar tidak berupaya melaksanakan tugas-tugasnya sebagai demikian oleh sebab sakit, tidak ada dalam Negeri, atau sebab-sebab lain yang seumpamanya, atau jika jawatan Pengurus Besar kosong, Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seorang daripada pegawai-pegawainya untuk melaksanakan tugas-tugas Pengurus Besar sepanjang tempoh Pengurus Besar tidak dapat melaksanakan tugas-tugasnya atau jika jawatan tersebut kosong.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, Pengurus Besar dan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain Lembaga hendaklah diambil kerja atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana difikirkan patut oleh Lembaga.

Sekatan
atas
perubahan
kepada
perjawatan.

22. Lembaga tidak boleh membuat apa-apa tambahan kepada jawatan-jawatannya yang tetap ada, tanpa kelulusan Menteri.

23. (1) Pengurus Besar hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif yang bertanggungjawab kepada Lembaga dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang ditentukan atau diwakilkan oleh Lembaga.

Pengurus Besar sebagai ketua pegawai eksekutif.

(2) Tertakluk kepada arahan-arahan dan kawalan Lembaga, semua pegawai dan pengkhidmat Lembaga hendaklah terletak di bawah kawalan pentadbiran Pengurus Besar.

24. (1) Tiada seorang pun layak diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Lembaga jika dia mempunyai, secara langsung atau secara tak langsung, dengan sendirinya atau melalui pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak dengan, untuk atau bagi pihak, Lembaga.

Pegawai atau pengkhidmat tidak boleh berkepentingan dalam kontrak.

(2) Mana-mana pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang mempunyai atau memperolehi apa-apa syer atau kepentingan sedemikian itu boleh menurut budi bicara Lembaga kena dipecat terus tanpa notis.

(3) Tiada seorang pun pegawai atau pengkhidmat boleh disifatkan sebagai mempunyai atau memperolehi apa-apa syer atau kepentingan sedemikian semata-mata oleh sebab bahawa—

(a) dia adalah atau menjadi anggota suatu syarikat yang diperbadankan yang memiliki tanah yang terletak di Sabah atau mempunyai kontrak dengan Lembaga atau menjalankan kerja untuk Lembaga; atau

(b) dia mempunyai atau memperolehi suatu syer dalam apa-apa pinjaman yang dikeluarkan oleh Lembaga atau dalam apa-apa sekuriti bagi pinjaman itu.

BAHAGIAN V

FUNGSI LEMBAGA, DLL.

Fungsi

25. (1) Tertakluk sebagaimana diperuntukkan kemudian dari ini adalah menjadi tugas Lembaga—

Fungsi-fungsi Lembaga.

(a) untuk mengurus dan mengerjakan pemasangan elektrik kepunyaan Lembaga, dan apa-apa pemasangan dan kelengkapan lain yang diperolehi atau dipasang oleh Lembaga;

- (b) untuk menubuhkan, menguruskan dan mengerjakan apa-apa pemasangan tenaga yang disifatkan penting oleh Lembaga supaya ditubuhkan;
- (c) untuk memajukan dan menggalakkan penghasilan, penjanaan dan penggunaan tenaga dengan tujuan hendak membangunkan ekonomi Negeri;
- (d) untuk mendapatkan bekalan tenaga dengan harga yang munasabah;
- (e) untuk membuat peraturan-peraturan, mengikut Akta ini, mengenai penjanaan, penghantaran, pengagihan dan penggunaan tenaga:

Dengan syarat bahawa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah paragraf ini hendaklah menepati standard keselamatan dan tidak berlawanan dengan kehendak-kehendak mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan standard keselamatan tersebut; dan

- (f) untuk menasihati Menteri dalam semua perkara berhubungan dengan penjanaan, penghantaran, pengagihan dan penggunaan tenaga.

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1) dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, Lembaga boleh—

- (a) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, menjana, menghantar, mengubah bentuk, mengagihkan dan menjual tenaga sama ada secara pukal atau kepada pengguna-pengguna individu di mana-mana bahagian Negeri;
- (b) membeli, membina, membina semula, menyenggara dan mengendalikan talian bekalan, stesen janakuasa, stesen transformer, talian paip, kelengkapan pembersih gas, kelengkapan bagi mengekstrak dan mengagihkan gas petroleum cair dan semua stesen, bangunan dan kerja berkenaan yang lain;
- (c) menjual, menyewa atau selainnya membekalkan loji tenaga dan pasangan tenaga dan memasang, membaiki, menyenggara atau memindahkan apa-apa loji tenaga dan pasangan tenaga;

- (d) memperolehi apa-apa harta alih atau harta tak alih, yang disifatkan oleh Lembaga perlu atau mustahak bagi maksud membina, menyambung atau menyenggara mana-mana pepasangan tenaga atau selainnya bagi menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini;
- (e) menjalankan segala kegiatan lain yang pada pendapat Lembaga perlu, berfaedah atau mudah baginya menjalankan tugas-tugas bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugasnya di bawah Akta ini atau dengan tujuan hendak mempergunakan dengan sebaik-baiknya mana-mana asetnya; dan
- (f) melaksanakan dan membenarkan pekerja-pekerjanya melaksanakan mana-mana fungsi yang diwakilkan kepada Lembaga atau mereka di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan tenaga atau jentera.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga hendaklah, bagi maksud menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungkan ke atasnya, mempunyai kuasa—

- (a) untuk membayar kepada mana-mana orang yang bekerja dengannya saraan mengikut syarat-syarat perlantikannya;
- (b) untuk menubuhkan, mengawal, mengurus dan menyenggara, atau mencarum kepada, mana-mana skim pencen atau kumpulan wang simpanan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi faedah kakitangannya atau orang-orang tanggungan kakitangan itu yang telah mati;
- (c) untuk membenarkan mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau mana-mana orang atau pertubuhan, dan untuk mengambil kerja mana-mana ejen, untuk menjalankan apa-apa kerja atau melaksanakan apa-apa tindakan sejajar dengan matlamat-matlamat Akta ini yang Lembaga berkecualan untuk melaksanakan dan yang diluluskan oleh Lembaga; dan

(d) untuk melantik penasihat-penasihat teknik yang disifatkannya perlu dan untuk membenarkan penasihat-penasihat itu menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga :

Dengan syarat bahawa penasihat-penasihat itu tidak boleh mengundi di mana-mana mesyuarat itu.

Bekalan

Tugas
Lembaga
untuk
membekal-
kan tenaga.

26. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (2) setakat mana ia boleh berbuat demikian dalam kawasan bekalan Lembaga sebagaimana ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri, Lembaga hendaklah membekalkan tenaga kepada mana-mana orang yang berkehendakkan bekalan tenaga (dalam seksyen ini disebut pengguna) jika pengguna itu mengakujaji hendak membuat kontrak dengan Lembaga dengan memberi apa-apa sekuriti sebagaimana dikehendaki untuk diambil, atau terus diterima, oleh Lembaga dan untuk membayar bagi bekalan tenaga mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh menurut budi bicaranya enggan memberi bekalan tenaga sedemikian kepada mana-mana bangunan yang telah dibangunkan berlanggaran dengan mana-mana undang-undang bertulis atau yang berada dalam keadaan yang rosak atau berbahaya.

(3) Lembaga tidak boleh membekalkan tenaga elektrik kepada pengguna, selain dari pemegang lesen, di sesuatu kawasan yang pada masa itu menjadi sebahagian daripada kawasan bekalan pemegang lesen, kecuali dengan izin pemegang lesen itu :

Dengan syarat bahawa jika izin pemegang lesen dikehendaki di bawah subseksyen ini dan pemegang lesen itu tidak memberi atau menahan izin itu, Lembaga boleh merayu kepada Menteri dan Menteri, jika berpuas hati bahawa izin pemegang lesen itu tidak diberi atau ditahan dengan tidak munasabahnyanya boleh mengecualikan izin itu. Bagi maksud-maksud proviso ini izin boleh disifatkan sebagai tidak diberi atau ditahan dengan tidak munasabahnyanya jika pemegang lesen itu tidak sanggup dan mampu membekalkan tenaga elektrik yang diperlukan atas terma-terma yang munasabah

dan dalam tempoh yang munasabah setelah menimbangkan, di antara perkara-perkara lain, terma-terma dan tempohnya yang Lembaga sanggup dan mampu membekalkan tenaga lektrik itu.

(4) Walau apa pun yang terkandung dalam seksyen ini, pemunya atau penduduk mana-mana premis tidaklah berhak menuntut atau terus menerima selain dari penggunaan lazim dan biasa daripada Lembaga bekalan elektrik bagi mana-mana premis yang mempunyai bekalan elektrik yang berasingan atau bekalan (yang sedang diguna atau sedia untuk digunakan bagi maksud-maksud yang bekalan elektrik kecemasan itu dikehendaki) gas, stim atau lain-lain bentuk tenaga melainkan jika pemunya atau penduduk itu telah bersetuju dengan Lembaga untuk membayar kepada Lembaga jumlah wang tahunan yang minimum yang akan memberinya pulangan munasabah atas perbelanjaan modal yang ditanggung beban olehnya dalam mengadakan bekalan kecemasan itu dan akan menampung bayaran tetap lain yang ditanggung beban oleh Lembaga untuk memenuhi kemungkinan tuntutan maksimum bagi premis itu. Jumlah wang yang kena dibayar hendaklah, jika memungkiri perjanjian, ditentukan dengan cara timbangtara.

27. Lembaga hendaklah, apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pemunya atau penduduk mana-mana premis yang terletak dalam jarak 100 meter dari mana-mana sesalur agihan Lembaga dalam mana Lembaga adalah, pada masa itu, dikehendaki menyenggarakan atau sedang menyenggarakan bekalan tenaga bagi maksud-maksud bekalan am kepada pengguna-pengguna persendirian di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, memberi dan terus memberi bekalan tenaga untuk premis itu mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini, dan Lembaga hendaklah melengkapkan dan meletakkan apa-apa talian bekalan elektrik yang mungkin perlu bagi maksud membekal kuasa maksimum yang pemunya atau penduduk itu berhak dibekalkan mengikut kontrak dengan tertakluk kepada syarat berikut:

Bekalan bagi maksud-maksud persendirian.

Dengan syarat bahawa kos sekian banyak talian bekalan elektrik bagi bekalan tenaga elektrik kepada mana-mana pemunya atau penduduk yang diletakkan atau didirikan atas harta pemunya itu atau dalam

milik penduduk itu, dan sekian banyak talian bekalan elektrik yang perlu untuk diletakkan atau didirikan bagi jarak yang lebih jauh daripada 15 meter dari mana-mana sesalur agihan Lembaga, walaupun bukannya di atas harta itu, hendaklah jika Lembaga berkehendakkan sedemikian, ditanggung oleh pemunya atau penduduk itu.

Bekalan tenaga untuk lampu awam.

28. Lembaga hendaklah, apabila menerima notis yang munasabah dari pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan yang menghendakinya supaya membekalkan tenaga untuk mana-mana lampu awam dalam jarak 100 meter dari mana-mana sesalur agihan Lembaga dalam mana Lembaga adalah, pada masa itu, dikehendaki menyenggarakan pengaliran tenaga bagi maksud-maksud bekalan am di bawah Akta ini, memberi dan terus memberi bekalan tenaga untuk lampu-lampu itu mengikut kuantiti sebanyak yang pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan kehendaki supaya dibekalkan.

Kuasa maksimum

29. (1) Kuasa maksimum yang seseorang pengguna berhak dibekalkan hendaklah sebanyak amaun yang dikehendakinya, tidak melebihi apa yang dijangka dengan munasabahnya sebagai kuasa maksimum untuk premisnya :

Dengan syarat bahawa jika seseorang pengguna telah menghendaki Lembaga supaya membekalkannya dengan kuasa maksimum sebanyak apa-apa amaun tertentu dia tidak berhak mengubahkan maksimum itu kecuali dengan notis yang munasabah kepada Lembaga, dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung beban dengan munasabah oleh Lembaga berkenaan dengan talian perkhidmatan yang menerusinya tenaga dibekalkan kepada premis pengguna itu, atau apa-apa pemasangan atau kelengkapan Lembaga di atas premis itu berikutan dengan perubahan itu, hendaklah dibayar olehnya kepada Lembaga dan boleh didapati balik sebagai hutang sivil.

(2) Jika timbul apa-apa perselisihan di antara mana-mana pengguna itu dengan Lembaga tentang apa yang dijangka dengan munasabahnya sebagai kuasa maksimum untuk premisnya atau tentang kemunasabahan apa-apa perbelanjaan di bawah seksyen ini, maka perselisihan itu hendaklah diputuskan oleh Menteri.

30. (1) Lembaga tidak boleh dipaksa memberi bekalan tenaga kepada mana-mana premis melainkan jika Lembaga dengan munasabahnyanya berpuas hati bahawa talian elektrik, pemasangan dan kelengkapan di dalamnya adalah dalam keadaan sedia-pakai dan baik dan tidak akan pada pendapat Lembaga menjejaskan dengan mudaratnya penggunaan tenaga oleh Lembaga atau orang-orang lain.

Syarat-syaratnya bekalan boleh ditolak, dsb.

(2) Jika timbul apa-apa perselisihan tentang apa-apa penggunaan tenaga elektrik yang tak wajar, atau tentang apa-apa defek yang dikatakan pada kelengkapan atau alat pelindungan atau tentang kelengkapan atau alat pelindung yang tak sesuai atau diperlukan, perselisihan itu hendaklah dirujuk kepada Pemeriksa Elektrik yang mana keputusannya adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak tersebut.

(3) Lembaga boleh enggan membekalkan tenaga elektrik kepada mana-mana pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan, syarikat atau orang yang bayaran bekalan tenaga elektriknya bertunggakan selama tempoh satu bulan setelah tuntutan dibuat, (yang tidak sepatutnya menjadi perkara pertikaian), sama ada mana-mana bayaran tersebut kena dibayar kepada Lembaga berkenaan dengan bekalan kepada premis yang berkenaan dengannya bekalan itu diminta atau berkenaan dengan premis-premis lain.

31. (1) Jika seorang pengguna menggunakan apa-apa bentuk lampu atau kelengkapan pengguna tenaga yang lain atau menggunakan tenaga yang dibekalkan kepadanya oleh Lembaga dengan sedemikian cara hingga mengganggu dengan tak wajar atau tak patut kelicinan bekalan tenaga kepada mana-mana badan atau orang lain, atau jika dia membuat apa-apa pengubahan pada pemasangannya tanpa kebenaran Lembaga terlebih dahulu, atau jika dia tidak memberi kemudahan-kemudahan yang munasabah untuk menjalankan ujian, atau jika kebocoran didapati di premisnya, atau jika dia mengganggu fuis utama atau kelengkapan Lembaga, atau jika dia menjual atau melupuskan secara dagangan tenaga elektrik tanpa izin Lembaga, maka apabila disabitkan dia boleh dikenakan denda sebanyak tiga ribu ringgit dan penjara selama enam bulan, dan

Syarat-syaratnya bekalan boleh diberhentikan.

n bekalan
didirikan
neter dari
un bukan-
baga ber-
pemunya

notis yang
tau pihak
a supaya
ipu awam
lur agihan
ada masa
an tenaga
Akta ini,
aga untuk
yak yang
tempatan

pengguna
aun yang
dijangka
um untuk

guna telah
kalkannya
pa amaun
maksimum
h kepada
ditanggung
berkenaan
ya tenaga
u apa-apa
tas premis
daklah di-
h didapati

di antara
a tentang
a sebagai
entang ke-
ah seksyen
iskan oleh

Lembaga boleh, jika difikirkannya patut, berhenti membekalkan tenaga kepada premis itu selagi pengguna itu melakukan keingkaran berkenaan dengan mana-mana perkara yang tersebut di atas.

(2) Jika mana-mana pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan, syarikat atau orang ingkar membayar apa-apa bayaran elektrik (yang tidak sepatutnya menjadi perkara pertikaian) atau apa-apa jumlah wang lain yang mereka terhutang kepada Lembaga berkenaan dengan bekalan elektrik kepada pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan, syarikat atau orang itu, maka Lembaga boleh memotong bekalan itu, dan bagi maksud itu boleh memotong atau memutuskan apa-apa talian bekalan elektrik atau kerja-kerja lain yang melaluinya elektrik boleh dibekalkan, dan boleh, sehingga bayaran itu atau jumlah-jumlah wang lain, berserta apa-apa perbelanjaan yang ditanggung beban oleh Lembaga kerana memotong dan menyambung semula bekalan elektrik itu, dibayar sepenuhnya, tetapi tidak lebih lama, memberhentikan bekalan elektrik kepada pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan, syarikat atau orang itu :

Dengan syarat bahawa jika mana-mana syarikat atau orang telah memberi kepada Lembaga deposit sebagai sekuriti bagi pembayaran bekalan tenaga elektrik, Lembaga tidaklah berhak memberhentikan bekalan itu sehingga jumlah wang yang terhutang kepadanya bagi bekalan itu adalah menyamai jumlah wang yang didepositkan sedemikian sebagai sekuriti dan setelah pembayaran dituntut.

Notis
hendaklah
diberi
kepada
Lembaga
sebelum
berpindah.

32. (1) Notis dua puluh empat jam secara bertulis hendaklah diberi kepada Lembaga oleh tiap-tiap pengguna sebelum dia meninggalkan mana-mana premis yang dibekalkan dengan tenaga elektrik oleh Lembaga, dan, jika tiada apa-apa notis diberi pengguna yang meninggalkan premis itu adalah bertanggung membayar kepada Lembaga wang yang terhutang berkenaan dengan bekalan itu sehingga notis berpindah diberi atau sehingga tempoh biasa yang berikutan bagi menentukan pendaftaran meter atau sebaliknya bagi menetapkan bayaran yang kena dibayar bagi premis itu, atau hingga tarikhnya mana-mana penduduk premis

itu yang kemudiannya berkehendakkan Lembaga membekalkan tenaga elektrik kepada premis itu, mengikut mana yang berlaku dahulu.

(2) Notis yang memberi efek kepada seksyen ini hendaklah diendorskan pada apa-apa notis tuntutan bagi bayaran tenaga elektrik:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjadikan tak sah apa-apa perjanjian yang dibuat di antara Lembaga dengan mana-mana pengguna tentang tempoh lamanya bekalan tenaga elektrik dikehendaki oleh pengguna itu.

33. Jika mana-mana pengguna yang dibekalkan elektrik oleh Lembaga meninggalkan premis di mana elektrik telah dibekalkan kepadanya tanpa membayar sewa elektrik atau sewa meter yang kena dibayarnya, Lembaga tidaklah berhak meminta bayaran tunggakan yang belum dibayar oleh tenan terdahulu itu daripada tenan premis itu selepasnya melainkan jika tenan yang masuk itu telah memberi kesanggupan kepada tenan terdahulu itu untuk membayar atau melepaskannya dari membayar tunggakan itu.

Bayaran
tunggakan.

34. Lembaga boleh, sebelum melaksanakan kerja-kerja yang perlu bagi menyambungkan premis pemunya atau penduduk kepada sesalur agihan, dengan notis secara bertulis, menghendaki pemunya atau penduduk premis itu, dalam masa tujuh hari selepas tarikh notis disampaikan, memberi sekuriti kepadanya berkenaan dengan pembayaran semua wang yang kena dibayar kepadanya berkenaan dengan bekalan itu sekiranya pemunya atau penduduk itu belum lagi memberi sekuriti itu, atau sekiranya apa-apa sekuriti yang diberi telah menjadi tak sah atau tak mencukupi, dan sekiranya mana-mana pemunya atau penduduk itu tidak mematuhi terma-terma notis itu, Lembaga boleh, jika difikirkannya patut, enggan membekalkan tenaga bagi premis itu selagi hal tidak mematuhi itu berterusan.

Sekuriti
bagi
bayaran.

35. (1) Jika mana-mana orang dibekalkan dengan elektrik atau dengan apa-apa meter elektrik atau pemasangan oleh Lembaga mengabai untuk membayar kepada Lembaga sewa yang kena dibayar bagi elektrik itu, atau sewa atau wang yang kena dibayar kepada

Mendapat-
kan balik
sewa
elektrik.

Lembaga kerana menyewa atau memasang meter itu, atau apa-apa perbelanjaan yang ditanggung beban dengan sahnya untuk memotong elektrik dari premis orang itu, atau kadar yang kena dibayar bagi penyambungan talian perkhidmatan ke sesalur agihan, atau apa-apa jumlah wang lain yang kena dibayar berkaitan dengan bekalan tenaga, maka Lembaga boleh mendapatkan balik jumlah wang yang kena dibayar sedemikian itu dengan cara yang sama seperti penalti di bawah Akta ini.

(2) Bila-bila masa seseorang mengabai untuk membayar apa-apa sewa atau jumlah wang yang genap masa dan kena dibayar olehnya kepada Lembaga, Lembaga boleh mendapatkan balik sewa atau jumlah wang itu dalam mana-mana mahkamah berbidangkuasa kompeten, dan remedi Lembaga di bawah Akta ini adalah selain dari remedinya yang lain bagi mendapatkan balik sewa atau jumlah wang itu.

Kuasa untuk Masuk

Kuasa memasuki tanah atau premis bagi menentukan kuantiti elektrik yang digunakan, atau untuk mengalih pemasangan.

36. (1) Mana-mana pegawai yang dilantik oleh Lembaga boleh pada setiap masa yang munasabah memasuki mana-mana premis yang elektrik ada atau telah dibekalkan oleh Lembaga untuk memeriksa talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan bagi bekalan elektrik kepunyaan Lembaga, dan wayar, pasangan dan kelengkapan pengguna, dan bagi maksud menentukan kuantiti elektrik yang digunakan atau dibekalkan, atau jika bekalan elektrik tidak lagi diperlukan, atau jika Lembaga diberi kuasa mengambil dan memotong bekalan elektrik dari mana-mana premis, bagi maksud mengalihkan apa-apa talian elektrik, akumulator, pasangan, kerja atau kelengkapan kepunyaan Lembaga, memperbaiki semua kerosakan yang disebabkan oleh kemasukan, pemeriksaan atau pengalihan itu :

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun pegawai yang dilantik oleh Lembaga boleh memasuki premis itu tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada penduduk. Kebenaran itu tidak boleh enggan diberi.

(2) Dalam apa-apa jua hal di mana kebenaran itu enggan diberi, Lembaga boleh, selain dari apa-apa penalti yang penduduk, penerima pajak atau pemunya

mana-mana premis yang tenaga elektrik ada atau telah dibekalkan oleh Lembaga boleh dikenakan di bawah Akta ini berkenaan dengan keengganan memberi kebenaran itu, memotong atau memutuskan apa-apa talian bekalan elektrik atau kerja-kerja lain yang melaluinya tenaga elektrik boleh dibekalkan, dan boleh sehingga kebenaran itu diberi dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung beban oleh Lembaga kerana memotong atau memutuskan dan menyambung semula apa-apa talian bekalan elektrik atau kerja-kerja lain yang tersebut dahulu dibayar sepenuhnya, tetapi tidak lebih lama, memberhentikan atau enggan membekalkan tenaga elektrik kepada penduduk, pemegang pajak atau pemunya itu.

Talian Elektrik

37. Jika mana-mana talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan kepunyaan Lembaga ditempatkan di mana-mana premis yang bukan milikan Lembaga bagi maksud bekalan elektrik di bawah Akta ini, talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan itu tidaklah boleh tertakluk kepada distres atau kepada remedi tuan tanah mendapatkan sewa premis itu di mana segalanya itu berada atau di-kira sebagai pelaksanaan menurut apa-apa proses mana-mana mahkamah atau menurut apa-apa prosiding kebangkrapan terhadap orang yang dalam milikannya segalanya itu berada.

Talian elektrik, dll., tidak boleh tertakluk kepada distres, dll., dalam hal-hal tertentu.

38. (1) Semua talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan yang disewakan oleh Lembaga atau kepunyaannya, tetapi berada di dalam atau di atas premis yang bukan milikan Lembaga hendaklah, sama ada segalanya itu dipasang atau dilekatkan pada mana-mana bahagian mana-mana premis di dalam atau di atas mana segalanya itu mungkin terletak, atau pada tanah di bahagian bawah mana-mana premis itu, pada setiap masa terus menjadi harta Lembaga dan boleh dialihkan oleh Lembaga, dan seksyen 36 dan 37 hendaklah diperluaskan dan dipakai kepada semua talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan itu :

Talian elektrik, dll., yang diberi sewa, walaupun dilekatkan pada premis, terus menjadi harta Lembaga.

Dengan syarat bahawa talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan itu terdapat padanya masing-masing satu plat logam pengecam yang dilekatkan pada bahagian yang mudah kelihatan, atau

satu jenama pengecam atau tanda-tanda lain yang ditekankan atau dibuat atasnya dengan ketara, yang memadai dapat menunjukkan Lembaga sebagai pemunya sebenar bagi segala-galanya itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan yang dilupuskan oleh Lembaga dengan bayaran dibuat secara beransur-ansur hendaklah, sehingga kesemua ansuran itu telah dibayar, disifatkan sebagai talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan yang disewakan oleh Lembaga.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjejaskan amaun taksiran perkadaran mana-mana premis yang padanya dipasangkan atau sedia terpasang apa-apa talian elektrik, meter, akumulator, pasangan, kerja dan kelengkapan.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN KEWANGAN

Kumpulan
Wang
Lembaga.

39. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Kumpulan Wang yang dinamakan "Kumpulan Wang Lembaga Letrik Sabah" yang hendaklah terdiri dari—

- (a) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa diperuntukkan oleh Parlimen kepada Lembaga atau yang didermakan oleh Kerajaan Sabah atau mana-mana Kerajaan Negeri yang lain atau oleh mana-mana institusi atau orang lain bagi maksud-maksud Lembaga;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa didapatkan oleh Lembaga melalui pinjaman;
- (c) apa-apa jumlah wang yang dipungut sebagai tarif di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (d) semua sewa dan keuntungan dari hasil jualan dan pendapatan dan jumlah wang lain yang didapati oleh Lembaga secara langsung atau secara tak langsung dari harta kepunyaan Lembaga;
- (e) semua fee dan apa-apa jumlah wang lain yang dari semasa ke semasa dibayar kepada Lembaga.

(2) Kumpulan Wang Lembaga bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah digunakan bagi membiayai caj-
caj berikut—

- (a) saraan, fee dan elaun anggota-anggota Lembaga;
- (b) gaji, fee, saraan, elaun, pencen, elaun per-saraan dan apa-apa ganjaran yang kena dibayar di bawah sesuatu kontrak, bagi pegawai-pegawai, ejen-ejen dan pengkhidmat-pengkhidmat serta penasihat-penasihat teknik atau penasihat-penasihat lain Lembaga;
- (c) belanja mengerjakan dan menubuhkan dan perbelanjaan menyenggarakan, atau per-untukan bagi menyenggarakan, mana-mana pemasangan Lembaga, dan pelaksanaan fungsi-fungsi Lembaga yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasil;
- (d) bunga atas mana-mana debentur dan stok debentur yang dikeluarkan, dan atas apa-apa pinjaman yang didapati oleh Lembaga;
- (e) jumlah wang yang dikehendaki dipindahkan kepada kumpulan wang penjelas atau sebaliknya diketepikan bagi maksud membuat per-untukan bagi menebus debentur atau stok debentur atau membayar balik wang-wang lain yang dipinjam;
- (f) apa-apa jumlah wang yang disifatkannya patut diketepikan berkenaan dengan kesusutan nilai harta Lembaga setelah memberi perhatian tentang amaun yang diketepikan daripada hasil di bawah paragraf (e) subseksyen ini; dan
- (g) apa-apa perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Lembaga dan dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasil.

(3) Baki hasil Lembaga hendaklah digunakan—

- (a) bagi mewujudkan suatu rezab am; dan
- (b) bagi membayar apa-apa bunga atas syer dan stok yang dikeluarkan oleh Lembaga sebagaimana yang pada pendapat Lembaga keadaan pengusahaan dan kedudukan kewangan Lembaga membenarkan tetapi agar supaya dalam hal syer atau stok biasa, kadar bunga itu tidak

boleh lebih daripada kadar purata sebanyak enam peratus setahun daripada nilai nominalnya dengan membandingkan setahun dengan setahun yang lain.

Kuasa mengeluarkan stok, dsb.

40. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam wang dengan cara mengeluarkan debentur, stok debentur atau mendapatkan modal dengan cara mengeluarkan syer atau stok dari apa jua jenis dan nilai dan mengikut apa-apa terma sebagaimana yang disifatkan bermanfaat, bagi kesemua atau mana-mana maksud berikut—

- (a) mengadakan modal kerja;
- (b) memenuhi fungsi Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) pengambilan pengusahaan elektrik lain;
- (d) menebus mana-mana syer atau stok yang ia dikehendaki menebus atau berhak menebus; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun modal.

Tugas-tugas dan kuasa-kuasaan Lembaga dalam perkara-perkara kewangan.

41. Maka adalah menjadi tugas Lembaga menjalankan dan melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini untuk memastikan yang jumlah hasil Lembaga adalah mencukupi untuk membiayai jumlah perbelanjaannya yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasil, termasuklah kesusutan nilai dan bunga atas modal, dengan membandingkan setahun dengan setahun yang lain.

Cara mencaj.

42. Lembaga boleh mencaj bagi tenaga yang dibekalkan kepada mana-mana pengguna (melainkan melalui perjanjian) sama ada mengikut amaun sebenar tenaga yang dibekalkan itu atau mengikut kehendak kuasa maksimum dalam tiap-tiap tempoh yang diberi atau mengikut kombinasi antara kedua-duanya itu atau mengikut apa-apa cara lain yang, pada masa itu, diluluskan oleh Menteri.

Kadar dan skala caj bagi tenaga.

43. (1) Kecuali dalam hal sesuatu perjanjian yang dibuat menurut seksyen 44 harga yang dikenakan oleh Lembaga bagi tenaga yang dibekalkan oleh Lembaga tidak boleh melebihi tarif yang, dari semasa ke semasa, ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Pada menetapkan tarif dan membuat perjanjian bagi pembekalan tenaga, Lembaga tidak boleh menunjukkan keutamaan tak wajar di antara pengguna-pengguna yang tinggal setempat, dan tidak boleh mengamalkan diskriminasi tak wajar di antara orang-orang yang tinggal setempat, dengan memberi perhatian kepada tempat dan waktu pembekalan, kuantiti tenaga yang dibekalkan, faktor beban dan kuasa pengguna, dan maksudnya bekalan itu diambil.

(3) Jika timbul apa-apa perselisihan tentang apakah keutamaan tak wajar, faedah, rebat atau keistimewaan, atau tentang harga, maka perselisihan itu hendaklah diputuskan oleh Menteri.

44. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan kepada hak pengguna menghendaki supaya dia dikenakan caj mengikut setengah-setengah cara atau cara-cara lain yang tersebut di atas, Lembaga boleh membuat apa-apa perjanjian dengan seorang pengguna tentang harga yang akan dikenakan bagi tenaga dan cara bagaimana caj itu hendak ditentukan, dan boleh mencaj sewajarnya.

Lain-lain
caj
melalui
perjanjian.

45. Harga yang hendak dicaj oleh Lembaga dan hendak dibayar kepada Lembaga bagi semua tenaga yang dibekalkan untuk lampu awam, dan cara bagaimana caj itu hendak ditentukan, jika tidak dinyatakan dalam kontrak, dan kos bagi sekian banyak pembinaan talian elektrik dari sesalur agihan Lembaga hendaklah diselesaikan melalui perjanjian di antara pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan dengan Lembaga dan, jika berlaku perselisihan, hendaklah ditentukan melalui timbangtara, dengan memberi perhatian kepada hal-keadaan kes itu dan sesalur agihan atau sesalur lain (jika ada) yang mungkin perlu diletakkan bagi maksud itu, dan harganya dicajkan kepada pengguna-pengguna biasa di daerah itu.

Harga
bekalan
untuk
lampu
awam.

46. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melaburkan mana-mana daripada kumpulan wangnya, yang tidak diperlukan serta-merta untuk dibelanjakan pada membiayai kewajipan-kewajipan atau pada menjalankan fungsi-fungsi Lembaga, dalam sekuriti-sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan kumpulan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang

Pelaburan
kumpulan
wang.

Akta 102.

berkuatkuasa, dan boleh mendepositkannya dalam mana-mana bank atau bank-bank yang dilesen di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bank 1973, atau, dalam sesuatu pengusahaan sebagaimana diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Kuasa-kuasa meminjam.

47. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam wang dengan mengeluarkan stok debentur atau dengan cara lain bagi maksud Akta ini.

Subs AAGGE

(2) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, bagi maksud Akta ini, mendapatkan pinjaman dari Kerajaan, atau dengan izin Menteri, meminjam dengan cara pinjaman sementara atau overdraf dari suatu bank yang dilesen di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bank 1973, atau dengan cara lain.

Akta 102.

Pinjaman boleh didapati dengan jalan menggadaijanji.

48. Lembaga boleh mendapatkan pembayaran balik apa-apa jumlah wang yang dipinjamkan, dengan jalan menggadaijanji atau menggadai, di sisi undang-undang atau mengikut ekuiti, apa-apa harta yang terletak pada Lembaga atau apa-apa hasil yang boleh diterima oleh Lembaga di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

Kuasa memberi pinjaman.

49. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang disifatkan oleh Menteri patut dikenakan dalam hal-hal tertentu, Lembaga boleh, daripada Kumpulan Wang memberi pinjaman mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini bagi maksud itu, pada melaksanakan tugas-tugasnya atau pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah seksyen 25.

(2) Pada memberi pinjaman di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1) Lembaga boleh mencaj apa-apa kadar bunga yang disifatkannya patut dalam sesuatu hal tertentu.

(3) Tiap-tiap pinjaman hendaklah dibayar balik kepada Lembaga mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang pinjaman itu diberi dan wang yang dibayar sedemikian hendaklah selepas itu dimasukkan ke dalam akaun Lembaga.

(4) Tiap-tiap gadaijanji untuk mendapatkan pinjaman dan tiap-tiap suratcara atau gadaian di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah diluluskan

oleh Lembaga, dan semua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung beban berkaitan dengannya hendaklah dibayar oleh orang yang diberikan pinjaman itu.

50. Lembaga boleh, dengan kelulusan bertulis daripada Menteri, menggerenti sesuatu pinjaman yang diberi oleh mana-mana bank atau institusi kewangan kepada mana-mana pemohon yang diluluskan oleh Lembaga bagi sesuatu maksud yang Lembaga sendiri mungkin akan memberi pinjaman itu.

Kuasa menggerenti pinjaman.

51. (1) Lembaga hendaklah sebelum bermula tiap-tiap satu tahun kewangan menyebabkan disediakan dan hendaklah menerima anggaran tahunan pendapatan dan perbelanjaan Lembaga bagi tahun yang berikutnya.

Anggaran tahunan.

(2) Anggaran tambahan boleh diterima oleh Lembaga di mana-mana mesyuaratnya.

(3) Satu salinan semua anggaran tahunan dan anggaran tambahan hendaklah, setelah diterima oleh Lembaga, dihantar dengan segera kepada Menteri untuk kelulusannya.

(4) Tiada apa-apa perbelanjaan yang tidak dimasukkan dalam anggaran tahunan atau anggaran tambahan yang diterima oleh Lembaga dan diluluskan oleh Menteri boleh ditanggung beban oleh Lembaga.

52. Untuk mengelakkan keraguan maka adalah ditetapkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai berkenaan dengan Lembaga.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai. Akta 240.

53. Lembaga hendaklah dikecualikan dari bayaran duti setem di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa berhubung dengan duti setem.

Akta 478 Pengecualian dari duti setem.

54. (1) Semua wang yang dibayar kepada Lembaga hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun dalam mana-mana bank atau bank-bank yang dlesen di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bank 1973 sebagaimana diluluskan oleh Lembaga.

Akaun bank. Akta 102.

(2) Semua perintah mengeluarkan wang dari akaun tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Besar dan ditandatangani timbal oleh seorang pegawai lain Lembaga yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Lembaga.

Bila
tender
dipanggil.

55. Tender-tender bagi pelaksanaan apa-apa kerja atau tugas, atau bagi pembekalan apa-apa bahan atau apa-apa benda lain yang perlu bagi maksud-maksud Lembaga yang melibatkan perbelanjaan Lembaga, hendaklah dipanggil bagi sesuatu hal dan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Kerajaan secara am atau dalam sesuatu hal tertentu.

BAHAGIAN VII

PELAN DLL.

Pelan

Peta
kawasan
bekalan
hendaklah
dibuat.

56. (1) Lembaga hendaklah dengan serta-merta selepas mula membekalkan tenaga menyebabkan satu peta bagi kawasan bekalan itu dibuat mengikut skala tidak kurang daripada satu dalam lima puluh ribu atau skala lain yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Ukur, dan hendaklah menyebabkan ditandakan padanya kedudukan semua talian penghantaran dalam apa-apa bentuk dan menunjukkan apa-apa butir sebagaimana diarahkan oleh Menteri, dan hendaklah menyebabkan disediakan pelan bagi kawasan setiap pihak berkuasa tempatan dalam mana talian agihan telah diletakkan mengikut skala tidak kurang daripada satu dalam dua ribu lima ratus atau skala lain yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Ukur menunjukkan kedudukan semua talian elektrik di atas dan bawah tanah dan hendaklah ditanda padanya berapa dalam semua talian bawah tanah di bawah permukaan, dan hendaklah dari semasa ke semasa menyebabkan semua tambahan ditandakan padanya dengan seberapa segera yang praktik selepas talian itu diletakkan.

(2) Tiap-tiap peta atau pelan yang dibuat atau dibetulkan atau satu salinannya yang ditanda dengan tarikh bila ia dibuat atau kali terakhir dibetulkan hendaklah disimpan oleh Lembaga di pejabat utamanya, dan hendaklah pada setiap masa yang munasabah dibuka untuk pemeriksaan Pengarah Kerja Raya

Sabah, Pengurus Besar Keretapi, Ketua Pengarah Telekom Malaysia dan mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan. Pengarah Tanah dan Ukur dan pihak berkuasa tempatan hendaklah dengan bayaran yang munasabah membekalkan kepada Lembaga salinan-salinan peta yang perlu itu, jika boleh didapati, atau jika peta itu tidak ada, mereka hendaklah membekalkan semua maklumat yang boleh didapati untuk membolehkan peta-peta itu disediakan.

(3) Lembaga hendaklah, jika dikehendaki oleh Pengarah Kerja Raya Sabah, Pengurus Besar Keretapi atau Ketua Pengarah Telekom Malaysia, membekalkan satu salinan mana-mana peta atau pelan itu dan hendaklah, jika dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan, membekalkan mereka dengan salinan pelan-pelan itu yang menunjukkan talian agihan di dalam sempadan mereka.

57. (1) Lembaga hendaklah sebelum melaksanakan mana-mana daripada beberapa kerja yang disebutkan di bawah ini, menghantar untuk kelulusan Menteri tiga salinan pelan dan lukisan itu masing-masing seperti berikut:

Pelan
untuk
kelulusan
Menteri.

- (a) pelan dan lukisan mengikut skala tidak kurang daripada satu dalam lima ratus bagi empangan, empang dasar, terusan, reservoir, terowong dan pangkal kerja;
- (b) pelan mengikut skala tidak kurang daripada satu dalam lima puluh ribu atau skala lain yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Ukur menunjukkan talian penghantaran utama;
- (c) pelan dan lukisan rumah kuasa mengikut skala tidak kurang daripada satu dalam lima ratus.

(2) Jika penolakan kelulusan oleh Menteri tidak diberitahu berkenaan dengan apa-apa butiran semasa habis tempoh dua puluh lapan hari selepas butiran itu dihantar kepadanya, maka pelan tersebut hendaklah disifatkan telah diluluskan dan Lembaga adalah bebas melaksanakan kerja itu.

(3) Peruntukan-peruntukan yang terdahulu hendaklah juga terpakai bagi apa-apa pelan dan lukisan terpinda yang mungkin dihantar oleh Lembaga kepada Menteri supaya memenuhi apa-apa penolakan kelulusan atau apa-apa bantahan yang dibangkitkan olehnya :

Dengan syarat bahawa Menteri hendaklah memberitahu kelulusan atau penolakan kelulusan atau bantahannya terhadap mana-mana pelan dan lukisan terpinda itu sebelum tamat tempoh empat belas hari mulai dari tarikh ia dihantarkan sedemikian, dan jika tiada apa-apa pemberitahuan dibuat dalam tempoh yang tersebut dahulu Lembaga adalah bebas untuk meneruskan kerja itu seolah-olah kelulusan telah diberi.

Izin-Lalu

Izin-lalu
di atas
tanah.

58. (1) Lembaga boleh menempatkan apa-apa talian bekalan elektrik sama ada di atas atau di bawah bumi merentangi mana-mana tanah, selain dari tanah yang dilitupi dengan bangunan atau digunakan sebagai taman atau tempat hiburan :

Dengan syarat bahawa sebelum menempatkan apa-apa talian itu merentang mana-mana tanah, Lembaga hendaklah menyampaikan kepada pemunya atau penduduk tanah itu notis mengenai niatnya bersama dengan satu perihal tentang keadaan dan kedudukan talian yang dicadang hendak ditempatkan dan jika dalam masa dua puluh satu hari selepas penyampaian notis itu, pemunya atau penduduk tidak memberi keizinannya atau mengepulkan bersama keizinannya apa-apa terma atau syarat yang dibantah oleh Lembaga, Pegawai Daerah bagi daerah berkenaan itu boleh, tertakluk sebagaimana diperuntukkan kemudian dari ini, memberi keizinannya tentang penempatan talian itu, sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh membenarkan atau memberikuasa kepada Lembaga meletakkan atau menempatkan mana-mana talian bekalan elektrik atau kerja-kerja lain masuk ke dalam, menerusi atau tersandar pada mana-mana bangunan atau atas, ke atas atau di bawah mana-mana tanah yang

dilitupi bangunan, atau digunakan sebagai taman atau tempat hiburan, tanpa izin pemunya atau penduduknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa topang kepada talian atas atau apa-apa umbang atau jermang yang dikehendaki semata-mata bagi maksud menopang talian atas bolehlah dipasangkan di mana-mana tanah atau bangunan dengan keizinan Pegawai Daerah bagi daerah berkenaan itu jika pada pendapatnya keizinan pemunya atau penduduk itu ditahan dengan tak munasabah, dan Pegawai Daerah bagi daerah berkenaan itu hendaklah menetapkan amaun pampasan atau sewa tahunan, atau kedua-duanya, yang hendaklah dibayar oleh Lembaga kepada pemunya atau penduduk itu.

(3) Jika pemunya atau penduduk mana-mana tanah yang di atasnya mana-mana talian bekalan elektrik telah ditempatkan menghendaki kedudukan talian bekalan elektrik itu diubah, Pegawai Daerah bagi daerah berkenaan itu boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki Lembaga mengubah kedudukan talian bekalan elektrik itu, tertakluk kepada syarat-syarat yang, jika tiada tercapai perjanjian di antara pihak-pihak, boleh ditentukan oleh Menteri.

(4) Dalam menentukan sama ada hendak memberi atau menahan keizinannya atau mengeluarkan apa-apa notis atau hendak mengenakan apa-apa terma atau syarat, Pegawai Daerah itu hendaklah mengambil pertimbangan semua representasi atau bantahan yang diterima mengikut notis itu atau selainnya, dan hendaklah memberi perhatian kepada kesan, jika ada, ke atas kemudahan atau nilai tanah bagi penempatan atau pengubahan talian bekalan elektrik itu atau kerja-kerja lain mengikut cara yang dicadangkan itu.

Kerja

59. Lembaga, di bawah apa-apa pengawasan sebagaimana yang dinyatakan kemudian dari ini, boleh membuka dan memecahkan tanah dan lapik batu beberapa lebuhraya dan jambatan dalam kawasan bekalan dan boleh membuka dan memecahkan mana-mana betung, parit atau terowong di dalam atau di bawah lebuhraya dan jambatan itu dan meletak serta menempatkan, dalam had kawasan yang sama, talian bekalan elektrik, talian perkhidmatan dan kerja-kerja lain dan, dari semasa ke

Kuasa untuk memecah lebuhraya, dll., di bawah pengawasan, dan untuk membuka parit.

1 hendak-
n lukisan
ga kepada
kelulusan
ahnya:

lah mem-
san atau
n lukisan
belas hari
, dan jika
1 tempoh
as untuk
san telah

pa talian
wah bumi
nah yang
1 sebagai

tkan apa-
Lembaga
ya atau
bersama
edudukan
dan jika
yampaian
memberi
izinannya
tah oleh
enaan itu
kemudian
nempatan
ik kepada
patut.

(1) boleh
Lembaga
ia talian
ke dalam,
bangunan
nah yang

semasa, membaiki, mengubah atau mengalihkannya, dan bagi maksud yang tersebut dahulu boleh mengalih dan menggunakan semua tanah dan bahan di dalam dan di bawah lebuah dan jambatan itu, dan dia boleh mendirikan di lebuah itu apa-apa tiang, tonggak, lampu dan kerja-kerja lain dan melakukan segala tindakan lain yang disifatkan perlu oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi membekalkan elektrik kepada penduduk kawasan yang termasuk dalam had kawasan tersebut, dengan menyebabkan sehabis sedikit kerosakan yang mungkin dalam melaksanakan kuasa-kuasa yang dengan ini diberi, dan memberi pampasan kerana apa-apa kerosakan yang dilakukan dalam melaksanakan kuasa itu, dan tertakluk kepada apa-apa kaedah yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

Syarat
tentang
pengawasan
pemecahan
lebuah.

60. Tiada apa-apa lebuah, jambatan, betung, parit atau terowong itu boleh (kecuali dalam masa kecemasan di mana notis hendaklah diberi dengan serta-merta sebagaimana diperuntukkan kemudian dari ini) dibuka atau dipecahkan kecuali setelah notis tujuh hari diberi kepada, dan kecuali di bawah pengawasan, orang-orang yang mempunyai kawalan atau pengurusan ke atasnya atau pegawai mereka, dan mengikut apa-apa pelan yang diluluskan oleh orang-orang itu atau pegawai mereka atau, jika berlaku apa-apa perselisihan berkenaan dengan pelan itu, mengikut pelan yang ditentukan oleh Menteri yang boleh, atas permohonan orang-orang yang mempunyai kawalan atau pengurusan itu, atau pegawai mereka, menghendaki Lembaga supaya membuat apa-apa kerja sementara atau kerja-kerja lain sebagaimana difikirkan perlu oleh pemohon untuk mengawal terhadap apa-apa gangguan ke atas pamaritan semasa melaksanakan apa-apa kerja yang menghalang betung atau parit:

Dengan syarat sentiasanya bahawa jika orang-orang yang mempunyai kawalan atau pengurusan tidak hadir pada masa yang ditetapkan bagi pembukaan mana-mana lebuah, jambatan, betung, parit atau terowong itu, selepas mendapat notis mengenai niat Lembaga, atau tidak mencadangkan apa-apa pelan untuk memecah atau membukanya, atau enggan atau cuai mengawasi kendalian itu, Lembaga boleh melaksanakan kerja yang dinyatakan dalam notis itu tanpa pengawasan orang-orang itu atau pegawai mereka.

61. Apabila Lembaga membuka atau memecahkan jalan atau lapik batu mana-mana lebuah atau jambatan, atau mana-mana betung, parit atau terowong, dia hendaklah dengan segala kepantasan yang sesuai menyiapkan kerja yang dipecahkan itu dan menimbusnya dan memulihkan dan memperbaiki jalan atau lapik batu itu, atau betung, parit atau terowong yang dibuka atau dipecahkan sedemikian, dan membuang sampah yang disebabkan oleh kerja itu, dan hendaklah pada setiap masa, semasa mana-mana jalan atau lapik batu itu dibuka atau dipecahkan sedemikian itu, menyebabkannya dipagar dan dikawal dan hendaklah menyebabkan diadakan dan disenggara alat yang mengeluarkan cahaya yang cukup untuk memberi amaran kepada orang ramai pada atau berhampiran dengan jalan atau lapik batu di mana ianya hendak dibuka atau dipecahkan itu pada tiap-tiap malam, sebelum matahari turun dan sehingga matahari terbit, dalam masa mana ianya hendaklah terus dibuka atau dipecahkan dan hendaklah menjaga jalan atau lapik batu yang telah dipecahkan itu supaya berada dalam keadaan baik selama tiga bulan selepas mengganti dan memperbaikinya, dan untuk masa yang lebih lanjut, jika dikehendaki, tidak melebihi enam bulan pada keseluruhannya, selagi tanah yang dipecahkan sedemikian itu terus menurun.

Lebuah, dll., yang dipecah hendaklah dibaiki semula tanpa kelengahan.

62. Sebelum Lembaga meneruskan untuk membuka atau memecahkan mana-mana lebuah, jambatan, betung, parit atau terowong, Lembaga hendaklah memberi kepada orang-orang yang di bawah kawalan atau pengurusannya yang demikian itu berada, atau kepada kerani mereka, juruukur, atau pegawai-pegawai lain, notis secara bertulis mengenai niatnya, tidak kurang daripada tujuh hari genap sebelum permulaan kerja itu, kecuali dalam hal kecemasan yang berbangkit dari defek pada mana-mana talian bekalan elektrik atau kerja-kerja lain, dan kemudiannya secepat yang mungkin selepas permulaan kerja itu, atau selepas keperluan mengadakannya berbangkit.

Notis hendaklah disampaikan kepada orang yang mempunyai kawalan, dll., sebelum memecahkan lebuah atau membuka parit.

ihkannya, mengalih di dalam dia boleh ak, lampu tindakan semasa ke penduduk tersebut, kan yang isa yang rana apa-ksanakan dah yang eri.

parit atau masan di rta-merta i) dibuka ari diberi t, orang-rusan ke apa-apa itu atau pa per-ut pelan atas per-ulan atau ghendaki ementara erlu oleh angguhan pa kerja

ng-orang ak hadir u mana-erowong embaga, tuk me-au cuai laksana-u tanpa ereka.

Perletakkan talian bekalan elektrik, dll., atau paip gas atau paip air atau talian bekalan elektrik lain.

63. (1) Jika—

- (a) Lembaga menghendaki supaya digali atau dibenamkan mana-mana peparit untuk meletakkan, mendirikan atau membina apa-apa talian bekalan elektrik baharu (selain dari talian perkhidmatan) atau kerja-kerja lain berhampiran dengan mana-mana betung, parit, saluran air, benteng atau kerja, atau mana-mana sesalur, paip, saifon, talian bekalan elektrik, wayar atau kabel telekomunikasi atau kerja-kerja lain di bawah bidang kuasa atau kawalan pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan atau kepunyaan mana-mana syarikat gas, bekalan elektrik, telekomunikasi atau air, telah ditempatkan dengan sahnya; atau
- (b) mana-mana syarikat gas, telekomunikasi atau air menghendaki supaya digali atau dibenamkan mana-mana peparit untuk meletakkan atau membina apa-apa sesalur, wayar, kabel atau paip baharu (selain dari paip perkhidmatan) atau kerja-kerja lain berhampiran dengan mana-mana talian bekalan elektrik atau kerja-kerja Lembaga telah ditempatkan dengan sahnya,

Lembaga atau pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan atau syarikat itu, mengikut mana yang berkenaan (dalam seksyen ini disebut "operator") hendaklah, melainkan jika dipersetujui selainnya di antara pihak-pihak yang berkepentingan, atau dalam hal kecemasan yang mengejut, memberi kepada pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan atau syarikat yang berkenaan, atau kepada Lembaga, mengikut mana yang berkenaan (dalam seksyen ini disebut "pemunya") tidak kurang daripada tujuh hari notis sebelum memulakan kerja menggali atau membenamkan peparit itu sebagaimana tersebut dahulu, dan pemunya adalah berhak melalui pegawainya mengawasi kerja itu, dan operator hendaklah menepati apa-apa kehendak yang munasabah sebagaimana dibuat

oleh pemunya atau pegawai itu untuk melindungi daripada berlaku kerosakan kepada tiap-tiap betung, parit, saluran air, benteng, sesalur, paip, saifon, talian bekalan elektrik, wayar atau kabel telekomunikasi atau kerja, dan bagi mendapat akses ke dalamnya, dan dia hendaklah juga, jika dikehendaki oleh pemunya, memperbaiki apa-apa kerosakan yang mungkin dilakukan ke atasnya.

(2) Jika operator mendapatinya perlu untuk menggali di bawah tanah tetapi tidak mengubah kedudukan mana-mana paip, talian bekalan elektrik, wayar atau kabel atau kerja, dia hendaklah menopangnya untuk membetulkan kedudukannya semasa melaksanakan kerjanya, dan sebelum siap hendaklah menyediakan asas yang sesuai dan patut ditempat di mana penggalian bawah tanah itu dibuat.

(3) Jika Lembaga meletakkan apa-apa lintasan talian bekalan elektrik yang mungkin menyentuhi mana-mana sesalur, paip, talian atau perkhidmatan kepunyaan mana-mana pihak berkuasa atau syarikat gas, bekalan elektrik, telekomunikasi atau air, maka bahagian pengalir talian bekalan elektrik itu hendaklah ditebat dengan efektifnya mengikut cara yang diluluskan oleh Pemeriksa Elektrik dan Lembaga tidak boleh, kecuali dengan keizinan bertulis pihak berkuasa atau syarikat itu, mengikut mana yang berkenaan, dan juga Menteri, meletakkan talian bekalan elektriknya supaya bersentuhan dengan mana-mana sesalur, paip, talian atau perkhidmatan itu, atau kecuali dengan keizinan yang sama dan mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri menggunakan mana-mana sesalur, paip, talian atau perkhidmatan, sebagai pengalir bagi maksud-maksud bekalan tenaganya.

(4) Apa-apa soal atau perselisihan yang mungkin timbul di bawah seksyen ini hendaklah ditentukan oleh Menteri.

(5) Jika operator melakukan keingkaran mematuhi mana-mana kehendak seksyen ini dia hendaklah memberi pampasan penuh kepada semua pemunya yang

terjejas dengan demikian itu kerana apa-apa kerugian, kerosakan, penalti atau kos yang mungkin ditanggung beban oleh mereka disebabkan itu dan sebagai tambahan kepadanya, bagi tiap-tiap keingkaran itu dia boleh dikenakan penalti tidak lebih daripada lima puluh ringgit dan penalti harian tidak lebih daripada lima puluh ringgit:

Dengan syarat bahawa operator itu tidak boleh dikenakan apa-apa penalti sedemikian jika mahkamah berpendapat bahawa kes itu adalah suatu kes kecemasan, dan bahawa operator itu mematuhi kehendak-kehendak seksyen ini setakat mana yang munasabah mengikut hal-hal keadaannya, atau bahawa keingkaran yang berkenaan itu adalah disebabkan oleh fakta bahawa operator itu tidak tahu tentang kedudukan betung, parit, sesalur, paip, saifon, talian bekalan elektrik atau kerja yang terjejas dengan demikian itu, dan bahawa hal tidak tahu itu bukan disebabkan oleh apa-apa kecuaiannya di pihak operator.

Kuasa
meng-
hendaki
kedudukan
tiang,
tunggak,
dll.,
diubah.

64. Jika Lembaga telah mendirikan di mana-mana lebuhraya apa-apa tiang, tunggak, lampu atau kerja-kerja lain, atau meletakkan atau mendirikan mana-mana talian bekalan elektrik di sepanjang mana-mana lebuhraya, Menteri boleh, walau apa pun peruntukan lain dalam Akta ini, melalui notis secara bertulis menghendaki Lembaga supaya mengubah kedudukan tiang, tunggak, lampu atau kerja-kerja lain, atau talian bekalan elektrik itu, tertakluk kepada syarat-syarat yang, jika tiada tercapai perjanjian, hendaklah ditentukan dengan cara timbangtara.

Pengubahan
paip
atau wayar.

65. (1) Lembaga boleh mengubah kedudukan mana-mana paip atau mana-mana wayar di bawah atau di atas mana-mana tempat yang Lembaga diberikuasa untuk membuka atau memecahkan, jika paip atau wayar itu berkemungkinan mengganggu perjalanan kuasa-kuasa Lembaga di bawah Akta ini dan mana-mana orang boleh mengubah kedudukan mana-mana talian bekalan elektrik atau kerja Lembaga di bawah atau di atas mana-mana tempat sebagaimana tersebut dahulu, jika talian bekalan elektrik atau kerja itu berkemungkinan mengganggu perjalanan mana-mana kuasa yang diberi kepadanya.

(2) Dalam apa-apa jua hal yang tersebut dahulu peruntukan-peruntukan yang berikut adalah, jika tiada apa-apa perjanjian yang berlawanan di antara pihak-pihak yang berkenaan, terpakai, iaitu—

- (a) tidak kurang daripada dua puluh lapan hari sebelum memulakan apa-apa perubahan, Lembaga atau orang-orang lain yang berhasrat hendak membuat yang demikian itu (kemudian dari ini disebut "operator" dalam seksyen ini) hendaklah menyampaikan kepada orang yang pada masa itu berhak atas paip, wayar, talian bekalan elektrik atau kerja itu, mengikut mana yang berkenaan (kemudian dari ini disebut "pemunya" dalam seksyen ini) suatu notis secara bertulis, menghuraikan perubahan yang dicadangkan, bersama dengan satu bahagian dan pelan mengenainya mengikut skala yang cukup besar untuk menunjukkan dengan jelas butir-butir kerja yang dicadangkan, dan bagaimanapun tidak lebih kecil daripada 1:100 dikira secara tegak, dan 1:4000 dikira secara mendatar, dan memberitahu masa bila hendak dimulakan, dan hendaklah kemudiannya memberi apa-apa maklumat selanjutnya yang berhubungan dengannya sebagaimana dikehendaki oleh pemunya;
- (b) dalam masa empat belas hari selepas penyampaian notis, bahagian dan pelan itu kepada pemunya, pemunya boleh menyampaikan kepada operator satu rekuisisi yang bermaksud bahawa apa-apa soal yang timbul mengenai notis, bahagian atau pelan itu hendaklah ditentukan dengan cara timbangtara, dan sesudah itu perkara tersebut hendaklah, kecuali diselesaikan melalui perjanjian, ditentukan melalui timbangtara;
- (c) tiap-tiap penimbangtara yang suatu perujukan dibuat kepadanya di bawah paragraf (b) hendaklah memberi perhatian kepada apa-apa tugas atau kewajipan yang pemunya terikat melaksanakan, dan boleh menghendaki operator supaya melaksanakan apa-apa kerja sementara atau kerja-kerja lain untuk mengelakkan, dengan seberapa boleh, gangguan kepadanya;

a kerugian,
ditanggung
an sebagai
aran itu dia
ipada lima
h daripada

k boleh di-
mahkamah
tu kes ke-
kehendak-
munasabah
keingkaran
oleh fakta
kedudukan
n bekalan
mikian itu,
abkan oleh

nana-mana
kerja-kerja
nana-mana
ana lebu,
lain dalam
enghendaki
g, tunggak,
lan elektrik
jika tiada
engan cara

kan mana-
ah atau di
diberikuasa
paip atau
penjalanan
dan mana-
nana-mana
di bawah
na tersebut
rja itu ber-
nana-mana

- (d) jika tiada apa-apa rekuisisi disampaikan kepada operator di bawah paragraph (b) dalam masa yang disebutkan, atau jika rekuisisi itu telah disampaikan dan perkara itu telah diselesaikan melalui perjanjian atau ditentukan melalui timbangtara, pengubahan itu boleh setelah membayar atau mendapatkan apa-apa pampasan yang diterima atau ditentukan melalui perjanjian atau timbangtara, dilaksanakan mengikut notis, bahagian dan pelan itu dan tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian sebagaimana ditentukan melalui timbangtara atau dipersetujui di antara pihak-pihak itu;
- (e) pemunya boleh, pada bila-bila masa sebelum operator berhak memulakan pengubahan itu, menyampaikan kepada operator suatu kenyataan secara bertulis yang bermaksud bahawa dia berhasrat hendak melaksanakan pengubahan itu sendiri dan bahawa dia menghendaki operator supaya memberi apa-apa sekuriti bagi pembayaran balik apa jua perbelanjaan sebagaimana dipersetujui atau, jika tiada apa-apa perjanjian, ditentukan dengan cara timbangtara;
- (f) jika suatu kenyataan disampaikan kepada operator di bawah paragraf (e), dia hendaklah, tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum perlaksanaan pengubahan itu dikehendaki dimulakan, memberi apa-apa sekuriti dan menyampaikan kepada pemunya suatu notis secara bertulis memberitahu masa bila pengubahan itu hendak dimulakan dan cara bagaimana hendak dibuat dan sesudah itu pemunya boleh terus melaksanakan pengubahan itu sebagaimana dikehendaki oleh operator;
- (g) jika pemunya enggan mematuhi notis itu, atau tidak mematuhi notis itu dalam masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh notis yang disampaikan kepadanya di bawah paragraf (f), operator boleh dengan sendiri melaksanakan pengubahan itu;

(h) segala perbelanjaan yang ditanggung beban dengan sepatutnya oleh pemunya pada mematuhi notis yang disampaikan kepadanya oleh operator di bawah paragraph (f) boleh didapati kembali olehnya daripada operator.

(3) Jika Lembaga atau orang-orang lain yang berhasrat hendak membuat perubahan melakukan keingkaran pada mematuhi mana-mana peruntukan ini, dia hendaklah membayar pampasan penuh kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung beban oleh sebabnya itu dan, jika timbul apa-apa perselisihan atau pertikaian tentang amaun pampasan itu, perkara itu hendaklah ditentukan dengan cara timbangtara.

66. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (3), jika mana-mana pokok, struktur atau objek yang tegak atau terletak berhampiran dengan suatu talian atas mengganggu atau menghalang, atau berkemungkinan mengganggu atau menghalang penyampaian atau penghantaran tenaga atau kemudahan akses mana-mana kerja, atau berkemungkinan disebabkan kehampirannya dengan mana-mana talian atas menjadi punca bahaya, Lembaga boleh melalui perjanjian dengan pemunya tanah memasuki tanah itu dan membuat apa-apa kerja sebagaimana dipersetujui atau jika tiada apa-apa perjanjian, Pegawai Daerah bagi daerah berkenaan itu boleh, atas permohonan Lembaga, memerintah pemunya tanah atas mana terletaknya pokok, struktur atau objek itu supaya mencantas, mengubah, memotong atau sebagai langkah terakhir menebang pokok itu atau membuang atau membuat sesuatu pada pokok, struktur atau objek itu mengikut apa-apa cara sebagaimana difikirkan patut oleh Pegawai Daerah atas perbelanjaan Lembaga, dan melainkan jika pampasan telah dipersetujui boleh sama ada ketika itu atau pada siasatan kemudiannya mengaward pampasan yang munasabah dibayar oleh Lembaga kepada pemunya.

Kuasa membuang pokok, dll., yang membahayakan talian atas.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada pemunya tanah atas mana pokok, struktur atau objek yang diadukan itu terletak dan jika mana-mana perintah tidak dipatuhi dalam masa tujuh hari selepas itu, Lembaga adalah berkuasa memasuki tanah itu dan melaksanakan perintah itu tetapi hendaklah membayar apa-apa pampasan sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (1).

(3) Walau apa pun peruntukan-peruntukan subseksyen (1) dan (2), Lembaga adalah berkuasa, setelah memberi notis kepada penduduk, tanpa permohonan kepada Pegawai Daerah atau bayaran pampasan kepada mana-mana orang, untuk memasuki mana-mana tanah dan membuang mana-mana pokok, struktur atau objek yang disebut dalam subseksyen (1) yang ditanam atau ditempatkan berhampiran dengan talian atas selepas penempatan talian itu.

(4) Walau apa pun peruntukan-peruntukan seksyen ini Lembaga boleh, jika ada kemungkinan mendatangkan bahaya yang serius kepada mana-mana orang berbangkit dari mana-mana pokok, struktur atau objek yang disebut dalam subseksyen (1), memasuki mana-mana tanah dan mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk menghapuskan bahaya itu tanpa notis kepada mana-mana orang, tetapi dalam tiap-tiap hal sedemikian hendaklah melaporkan kejadian itu kepada Pegawai Daerah yang atas permohonan pemunya tanah itu boleh dengan itu mengaward pampasan di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1).

(5) Suatu rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa keputusan Pegawai Daerah di bawah seksyen ini kepada Pengarah Tanah dan Galian, dengan syarat bahawa notis rayuan itu hendaklah disampaikan kepada pihak yang satu lagi dalam masa lima hari dari penyampaian apa-apa perintah untuk melakukan kerja di bawah subseksyen (1) atau dalam masa empat belas hari dari mana-mana perintah menilai pampasan.

(6) Bagi maksud seksyen ini "pokok" meliputi pokok renek, pokok pagar, belukar atau tanam-tanaman lain.

BAHAGIAN VIII

PEMINDAHAN PENGUSAHAAN, DSB., PERTUBUHAN
PERBADANAN KEPADA LEMBAGA*Harta, Kontrak, dsb.*

67. (1) Jika—

(a) apa-apa pengusahaan, pemasangan atau lain-lain harta, yang menjadi pengusahaan, pemasangan, atau lain-lain harta kepunyaan pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Letrik Sabah 1981 yang dimansuhkan itu (kemudian dari ini disebut "pertubuhan perbadanan" dalam Bahagian ini) dipindahkan kepada Lembaga; dan

Pampasan
bagi
pengusahaan
yang
dipindahkan.

Sabah
En. 26/81.

(b) apa-apa stok dan syer, yang dikeluarkan kepada Ketua Menteri yang diperbadankan oleh Ordinan Ketua Menteri (Perbadanan) untuk dipegang bagi maksud-maksud Kerajaan Negeri Sabah, adalah dipindahkan kepada Menteri Kewangan, yang diperbadankan oleh Ordinan Menteri Kewangan (Perbadanan) 1957, untuk dipegang bagi maksud-maksud Kerajaan Persekutuan,

Sabah
Bab 23.

Ord.
46/57.

Kerajaan Persekutuan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, membayar berkenaan dengannya apa-apa pampasan kepada Kerajaan Negeri Sabah, sebagaimana dipersetujui oleh dan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen (1), apa-apa pengusahaan, pemasangan atau lain-lain harta hendaklah bererti, termasuk, segala loji, tanah, kerja dan lain-lain harta alih atau tak alih, aset, kuasa, hak dan keistimewaan yang dipegang atau dinikmati berkaitan dengan atau berkenaan dengannya.

68. Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja, yang ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini yang menyentuh mana-mana pengusahaan, pemasangan atau lain-lain harta kepunyaan pertubuhan perbadanan yang dipindahkan itu hendaklah sama berkuatkuasa dan berkesan seperti terhadap atau untuk Lembaga, dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuh dan berkesannya seolah-olah, sebagai

Kontrak,
dsb., yang
ada.

ganti pertubuhan perbadanan itu, Lembaga telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi satu pihak kepadanya.

Prosiding
belum
selesai.

69. Apa-apa prosiding atau kausa tindakan yang belum selesai atau ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini, oleh atau terhadap pertubuhan perbadanan, atau apa-apa hutang yang terhutang kepada atau oleh pertubuhan perbadanan, boleh diteruskan atau dikuatkuasakan, oleh atau terhadap Lembaga, seolah-olah pertubuhan perbadanan itu telah tidak diperbadankan.

Pegawai atau Pengkhidmat

Pertukaran
pegawai-
pegawai
atau
pengkhid-
mat-peng-
khidmat
dalam
perjawatan
pertubuhan
perbadanan.

70. (1) Tiap-tiap pegawai atau pengkhidmat, yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini, telah diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat pertubuhan perbadanan hendaklah, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, disifatkan ditukarkan dari perkhidmatan pertubuhan perbadanan kepada perkhidmatan Lembaga, mengikut terma dan syarat perkhidmatan, perkuisit dan emolumen tidak kurang baiknya daripada yang dinikmatinya sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai menjejaskan hak Lembaga untuk menamatkan pekerjaan mana-mana pegawai atau pengkhidmat yang ditukarkan ke perkhidmatan Lembaga, atau untuk mengubah kadar bayaran atau syarat-syarat perkhidmatannya, mengikut cara dan setakat mana yang pertubuhan perbadanan dapat lakukan sekiranya dia terus berkhidmat dengan pertubuhan perbadanan itu.

BAHAGIAN IX

AM

Kuasa
Menteri
memberi
arahan.

71. (1) Menteri boleh memberi kepada Lembaga arahan-arahan bersifat am, yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, mengenai penjalanan dan pelaksanaan oleh Lembaga akan fungsifungsinya dan Lembaga hendaklah melaksanakan mana-mana arahan yang diberi sedemikian itu.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti-sebagaimana dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

72. Walau apa pun peruntukan lain dalam Akta ini, Menteri boleh, bagi kepentingan awam, melalui perintah menggantung semua atau mana-mana fungsi eksekutif Lembaga atau mana-mana anggota atau mana-mana pegawai atau pengkhidmat Lembaga dan menyerahkan kepada mana-mana orang atau orang-orang bagi sesuatu tempoh yang disifatkannya patut.

Kuasa menggantung fungsi-fungsi eksekutif.

73. (1) Kecuali bagi maksud-maksud Akta ini atau sesuatu prosiding jenayah di bawah Akta ini, tiada seseorang anggota, atau pegawai atau pengkhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat mengenai sesuatu urusan individu, yang telah didapatinya semasa menjalankan tugas-tugasnya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

Kerahsiaan dan penalti.

(2) Seseorang yang dengan disedarinya melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun.

74. Mana-mana orang yang dengan menyalahi undang-undang dan berniat jahat memotong atau membencanakan mana-mana talian elektrik kepunyaan Lembaga atau kerja-kerja dengan niat hendak memotong mana-mana bekalan elektrik atau selainnya berniat jahat menyebabkan apa-apa gangguan kepada bekalan, atau mengapi orang-orang lain supaya melakukan sedemikian boleh dihukum penjara selama lima tahun tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh mengecualikan seseorang dari apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini atau di bawah Kanun Keseksaan:

Merosakkan kerja-kerja dengan niat untuk memotong bekalan atau berniat jahat memadamkan lampu awam.

N.M.B.
Bab 45.

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh dihukum dua kali bagi kesalahan yang sama.

75. Mana-mana orang yang dengan berniat jahat atau dengan fraud mengambil, menyebabkan dibazir atau dilencungkan, menghabiskan atau mengguna apa-apa elektrik adalah bersalah kerana mencuri dan boleh dihukum sewajarnya dan wujudnya cara-cara artifisial untuk pengambilan itu adalah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pengambilan secara fraud itu.

Mencuri elektrik.

telah di-
atu pihak

ang belum
tkuasanya
rbadanan,
atau oleh
u dikuat-
olah-olah
adankan.

yang se-
ini, telah
lmat per-
berkuat-
perkhid-
hidmatan
hidmatan,
daripada
uatkuasa-

boleh di-
ntuk me-
au peng-
Lembaga,
rat-syarat
at mana
sekiranya
rbadanan

Lembaga
rlawan
mengenai
in fungsi-
ksanakan

Menteri
dan akti-
i dari se-

Keben-
canaan
sengaja
kepada
kerja-kerja,
meng-
gunakan
meter
atau
mengguna-
kan tenaga
secara
fraudan.

76. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja, atau dengan cara fraud membencana atau membenar dibencanakan mana-mana kerja Lembaga, atau mengubah indeks mana-mana meter bagi menentukan nilai bekalan, atau menghalang mana-mana meter itu daripada mendaftarkan dengan wajar nilai bekalan, atau dengan cara fraud mengambil, menghabiskan atau menggunakan tenaga elektrik Lembaga adalah melakukan suatu kesalahan dan (tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain bagi melindungi Lembaga) apabila disabitkan boleh dikenakan denda sebanyak seribu ringgit dan penjara selama tempoh setahun dan Lembaga boleh selain dari itu mendapatkan kembali amaun bagi apa-apa kerosakan yang dialaminya.

(2) Wujudnya cara-cara artifisial bagi menyebabkan pengubahan atau halangan itu, atau bagi mengambil, menghabiskan atau menggunakan elektrik Lembaga apabila meter itu berada di bawah jagaan atau kawalan pengguna, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa pengubahan, halangan, pengambilan atau penghabisan itu, mengikut mana yang berkenaan, telah dengan cara fraud, disedari dan dengan sengaja disebabkan oleh pengguna yang menggunakan meter itu.

(3) Dan bagaimanapun jika mana-mana orang telah dengan sengaja atau dengan cara fraud membencanakan atau membiar dibencanakan mana-mana talian elektrik, meter atau pasangan kepunyaan Lembaga, atau mengubah indeks pada mana-mana meter, atau menghalang mana-mana meter dari mendaftarkan kuantiti bekalan elektrik dengan sewajarnya, Lembaga boleh juga, sehingga talian, meter atau pasangan yang diadakan itu telah diremedi, memotong bekalan elektrik kepada orang yang melakukan kesalahan itu walaupun terdapat apa-apa kontrak yang ada sebelumnya.

Penalti
kerana
mengguna-
kan
elektrik
Lembaga
secara fraud
atau tak
wajar.

77. Tiap-tiap orang yang meletak atau menyebabkan diletakkan apa-apa pengalir untuk berhubung dengan mana-mana pengalir kepunyaan Lembaga tanpa keizinan Lembaga, atau secara fraud mengganggu mana-mana meter kepunyaan Lembaga atau, jika elektrik yang dibekalkan oleh Lembaga tidak ditentukan dengan meter, yang menggunakan elektrik yang dibekalkan oleh Lembaga dengan cara lain atau dengan

amaun yang lebih besar daripada yang ia telah mengikat kontrak untuk membayar, atau selainnya menggunakan dengan tak wajar elektrik itu atau membekalkan mana-mana orang lain dengan apa-apa bahagian elektrik yang dibekalkan kepadanya oleh Lembaga, adalah terlucuthak kepada Lembaga jumlah wang sebanyak dua ratus ringgit bagi tiap-tiap kesalahan itu dan juga jumlah wang sebanyak lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari talian elektrik itu berterusan berada sedemikian atau penggunaan yang berlebihan atau tak wajar itu dilakukan atau diteruskan sedemikian atau bekalan itu diberi, dan Lembaga juga boleh sehingga perkara yang diadukan itu telah diremidikan, tetapi tidak lebih lama, memotong elektrik dari rumah dan premis orang yang melakukan kesalahan sedemikian itu walaupun terdapat apa-apa kontrak yang mungkin telah dibuat sebelum itu.

78. Tiap-tiap orang yang dengan tak cermat atau tak sengaja memecah atau merosakkan mana-mana talian bekalan elektrik, lampu atau kerja-kerja lain kepunyaan Lembaga atau di bawah kawalan Lembaga hendaklah membayar kepada Lembaga amaun kerosakan yang dilakukan itu yang boleh didapati kembali dalam mana-mana mahkamah yang berbidangkuasa kompeten.

Penjelasan kerana merosakkan dengan sengaja kerja Lembaga.

79. Mana-mana pengguna yang menyambung atau memutus atau mengubah pelarasan mana-mana meter yang hendak digunakan, atau digunakan untuk menentukan nilai bekalan elektrik boleh bagi tiap-tiap kesalahan dikenakan denda sebanyak lima puluh ribu ringgit.

Penalti kerana menyambung atau memutus atau mengubah pelarasan meter tanpa notis.

80. Jika mana-mana meteri yang dipasang di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan dipecah tanpa kebenaran Lembaga, pengguna yang di premisnya meteri itu ditempatkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda sebanyak dua ratus ringgit:

Penalti kerana memecahkan meteri tanpa kebenaran.

Dengan syarat bahawa jika dapat dibuktikan yang kesalahan itu telah dilakukan oleh seseorang selain dari pengguna, orang itu boleh dihukum seolah-olah dia adalah pengguna yang di premisnya pelanggaran itu berlaku.

Penalti
jika
sebaliknya
tidak
dinyatakan.

81. Jika apa-apa keingkaran atau pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta ini dilakukan yang mana tiada apa-apa penalti disebut dengan nyata mengenainya, pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan, syarikat, atau orang yang ingkar atau melanggar sedemikian itu boleh dikenakan penalti sebanyak satu ratus lima puluh ringgit.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

82. Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan dibuktikan—

- (a) telah dilakukan mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen 75 atau 76 (2); atau
- (b) telah dilakukan dengan persetujuan atau diabaikan, atau telah dikaitkan dengan apa-apa kecuaiian,

oleh atau di pihak mana-mana pengarah, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana orang yang berupa bertindak atas sifat sedemikian itu, maka dia dan juga pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan itu dan boleh kena diambil tindakan dan dihukum dengan sewajarnya.

Mendapat-kan kembali penalti, dsb.

83. Apa-apa penalti, fee, perbelanjaan atau wang-wang lain yang boleh didapati kembali di bawah Akta ini atau kontrak, yang mana bagi mendapatkannya kembali tidak ada diperuntukkan selainnya dengan khas, adalah dikira hutang sivil yang boleh didapati kembali secara terus.

Perlindungan terhadap prosiding undang-undang.

84. (1) Tiada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa atau dimulakan secara persendirian terhadap mana-mana anggota Lembaga atau terhadap pegawai atau pengkhidmat yang dilantik oleh Lembaga berkenaan dengan sesuatu tindakan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat secara *bona fide* menurut atau pada melaksanakan atau pelaksanaan yang dicadangkan Akta ini.

(2) Jika seseorang dikecualikan daripada tanggungan hanya oleh sebab peruntukan seksyen ini, maka Lembaga adalah bertanggung setakat yang ia akan bertanggung jika orang itu adalah pengkhidmat atau ejen Lembaga.

85. Semua anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

Pengkhidmat awam.

N.M.B.
Bab 45.

86. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi sesuatu tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pengkhidmat atau ejen Lembaga mengenai sesuatu tindakan, keabaiian, atau kemungkiran yang dibuat atau dilakukan oleh Lembaga atau orang-orang itu atas sifatnya sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 terpakai.
Akta 198.

87. Sesuatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dijalankan oleh mana-mana orang yang diambil kerja oleh Lembaga atau oleh seseorang pegawai awam yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pendakwa Raya.

Orang-orang yang diberikuasa untuk mendakwa.

88. Tiada apa-apa pendakwaan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan sanksi terlebih dahulu secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

Sanksi pendakwaan.

89. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, bertakluk kepada peruntukan-peruntukan nyata dalam Akta ini, membuat peraturan-peraturan yang pada amnya berkenaan dengan penjalanan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Lembaga di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.

Kuasa membuat peraturan-peraturan.

90. Walaupun sesuatu pantai, dasar tasik, sungai, tali air, caruk, teluk atau muara adalah terliput dalam kawasan bekalan, tiada apa-apa jua boleh membenarkan Lembaga mengambil, mengguna atau dengan apa jua cara mengganggu mana-mana bahagian pantai, dasar tasik atau sungai, tali air, caruk, teluk atau muara itu atau apa-apa hak berkenaan dengannya, atau airnya, tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri dan tiada apa-apa

Hak kekecualian Kerajaan Sabah di pantai pasang-surut.

jua yang terkandung dalam Akta ini boleh sampai menghapus, memudar, menyusut atau mengubah mana-mana estet, hak, keistimewaan, kuasa atau autoriti yang terletak pada atau dinikmati atau dijalankan oleh Kerajaan Sabah.

AA995 →

BAHAGIAN X

I
j
s
t
c

K
k
y
d
o
p
p

M
k
k
p
d

P
d
t
e
p
r
u
r